


Jilid II  
Bil. 1



Hari Rabu  
31hb Mac, 1976

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

## **MENGANGKAT SUMPAH:**

**Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak [Ruangan 17]**

## **PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

**Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 17]**

**Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 25]**

**Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 26]**

**Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 26]**

**Ucapan Takziah kepada Datin Wan Asiah dan Keluarga [Ruangan 28]**

**Penggunaan Bahasa Rasmi Mesyuarat dan Lantikan Y.B. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop Mempengerusikan Mesyuarat [Ruangan 28]**

## **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 29]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 74]**

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

### **USUL-USUL:**

**Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 77]**

**Ucapan Tahniah kepada D.Y.M.M. atas Perlantikannya—Ikrar Taat Setia [Ruangan 78]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 84]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,  
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,  
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN  
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.  
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.  
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.  
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK  
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,  
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI  
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,  
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,  
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,  
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,  
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN  
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).



- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Merion.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 31hb Mac, 1976

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.*

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

**PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**“Bismillahi-rrah mani-rrahim.**

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Beta mengucapkan syukur kehadiran Illahi yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta menyampaikan buat pertama kalinya Titah Ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-dua Dewan Parlimen, dan ini sempena upacara pembukaan resmi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.*

*Negara ini telah menghadapi tahun baru dengan perasaan sedih dan pilu dengan kembalinya kerahmatullah Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, yang kita kasihi. Kita berdoa mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya. Beta juga mengucapkan tahniah kepada Datuk Hussein bin Onn, Perdana Menteri Beta yang baru. Beta yakin, dengan sokongan yang diberi oleh semua golongan rakyat, beliau akan dapat melaksanakan tugas yang berat ini dengan jayanya.*

*Beta juga bersyukur kehadiran Illahi kerana peralehan kuasa telah berjalan dengan licin dan sempurna. Ini menunjukkan kematangan pucuk pimpinan politik di kalangan rakyat Beta dan kebaikan sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan. Ini adalah merupakan satu alamat baik bagi masa hadapan negara kita.*

### **Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Kerajaan Beta akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga dalam bulan Julai ini. Matlamat rancangan ini ialah untuk mencapai perpaduan rakyat dan membina ketahanan di kalangan mereka dalam menghadapi cabaran, khususnya cabaran keselamatan. Kerajaan Beta akan menyediakan peluang-peluang terutamanya untuk rakyat yang miskin dan rakyat mesti sanggup menukar sikap dan melatih diri dan merebut peluang-peluang ini supaya kehidupan mereka menjadi lebih sempurna. Pegawai-pegawai pula mestilah menentukan pelaksanaan rancangan-rancangan mencapai matlamatnya. Memandang kepada pembangunan yang tidak seimbang antara negeri-negeri di Malaysia, Kerajaan Beta telah menyediakan formula baru untuk menambah bantuan kewangan kepada negeri-negeri yang kurang maju tetapi telah memberi sumbangan yang besar terhadap ekonomi negara.*

*Keselamatan negara merupakan masalah yang penting di saat ini. Keselamatan negara ialah keselamatan rakyat sendiri. Oleh itu rakyat perlu sedar peperangan menentang pengganas kominis adalah peperangan rakyat atau "people's war". Pasukan keselamatan yang diadakan adalah untuk membantu rakyat. Tetapi tanpa kesanggupan dan penglibatan rakyat serta sokongan mereka, pasukan keselamatan tidak akan begitu berkesan dalam menjalankan tugas mereka. Beta menyeru rakyat supaya tampil ke hadapan untuk menyertai perjuangan ini, bukan sahaja dengan mengambil bahagian dalam RELA dan Rukun Tetangga, tetapi juga dengan memberi maklumat-maklumat dan sebagainya. Dalam peperangan menentang pengganas kominis dan anasir anti-nasional, kemenangan adalah kemenangan rakyat sendiri.*

*Beta percaya cabaran yang dihadapi oleh negara dapat diatasi, lebih-lebih lagi memandangkan keadaan ekonomi negara adalah bertambah baik daripada tahun yang lalu. Dengan ini Kerajaan Beta akan dapat melaksanakan dengan lebih giat lagi bukan sahaja rancangan-rancangan pembangunan tetapi juga menegakkan keadilan sosial dan keteguhan rohaniah.*

*Dalam bidang pelajaran, Kerajaan Beta akan terus menyediakan peluang-peluang dan latihan-latihan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Beta berharap pelajar-pelajar akan menggunakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya, terutama golongan yang ketinggalan dalam berbagai bidang. Hanya dengan kesanggupan mengawal dan mendisiplinkan diri dalam menuntut ilmu dan menggunakan peluang-peluang sahajalah hasrat dan harapan rakyat menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dapat dicapai.*

*Di samping itu, Kerajaan Beta akan juga memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain seperti kesihatan, perumahan dan kebajikan am. Perluasan perkhidmatan-perkhidmatan ini sedikit sebanyak akan merengangkan beban yang dipikul oleh rakyat yang miskin di zaman inflasi ini.*

*Di dalam bidang perhubungan luar negeri, Beta berasa bangga di atas kejayaan yang telah dicapai di Bali. Beta yakin dengan kejayaan ini ASEAN telah mara lebih dekat lagi ke arah matlamat dan hasrat yang terkandung di dalam Perisytiharan Kuala Lumpur menjadikan rantau ini kawasan aman, makmor, bebas dan berkecuali.*

*Bagi mengeratkan lagi perhubungan di antara negeri-negeri dalam Persekutuan, Beta, dan Raja Permaisuri Agong akan berangkat melakukan lawatan resmi ke negeri-negeri tidak berapa lama lagi untuk menemui rakyat yang dikasehi.*

Akhir kata, Beta berseru kepada sekalian rakyat supaya berwaspada, memperbaharui tekad dan azam dalam menghadapi dugaan dan cabaran yang menghalang kemajuan kita. Rakyat hendaklah bersatu-padu dan bersedia mengorbankan kepentingan-kepentingan individu dan golongan, demi menjamin keselamatan negara. Tanpa keselamatan negara, rancangan pembangunan tidak akan memberi apa-apa hasil, dan kemudahan-kemudahan tidak akan berfaedah dan bermakna. Rakyat yang sudah mendapat nikmat hendaklah bersabar, sementara mereka yang belum merasa nikmat ditentukan giliran mereka. Insya Allah dengan ketahanan, keazaman dan kerjasama rakyat, musuh negara akan dapat ditumpaskan dan pembangunan dijalankan dengan pesatnya bagi kebaikan bersama rakyat sekalian.

Di sini Beta suka hendak merakamkan terimakasih Beta dan Kerajaan Beta kepada kesemua mereka yang sanggup berkorban untuk keselamatan negara terutamanya anggota-anggota pasukan-pasukan keselamatan.

#### **Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

Beta berdoa kehadiran Illahi moga-moga dianugerahkan taufik dan hidayahNya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan."

*The English Translation is as follows:*

**"In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.**

**Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*I give thanks to Almighty Allah for His blessings which has enabled me to deliver this address before Honourable Members of both Houses today for the first time and on the occasion of the official opening of the First Meeting of the Second Session of the Fourth Parliament.*

*The nation faced the new year with a sense of profound grief upon the demise of our beloved Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. We pray that Allah will shower His blessings upon his soul. I would like also to congratulate Datuk Hussein bin Onn, my new Prime Minister. With the support from all sections of the people, I am confident he will be able to shoulder successfully the heavy responsibilities of his office.*

*I also give thanks to Allah that the transmission of power has been smooth and orderly. This indicates maturity in the political leadership of my people and the virtues of the system of parliamentary democracy that we practise. This augurs well for the future of our nation.*

#### **Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*My Government will launch the Third Malaysia Plan this July. The objectives of this Plan are to achieve unity and to develop resilience among the people in facing challenges, particularly challenges to national security. My Government will provide opportunities especially to the poor and they must be prepared to change their attitude and to train themselves for those opportunities so as to improve their standard of living. Government and other officers, on the other hand, must ensure that the implementation of the plan will be successful. In view of the disparity in development between the states in Malaysia, my Government has devised a new formula to increase financial assistance to those less developed states which nevertheless have contributed substantially to the national economy.*

*The security of the nation constitutes a major problem today. The security of the nation means the security of the people themselves. Therefore, the people must realise the war against communist terrorists is a people's war. The security forces are there to assist the people. Without the readiness, involvement and support of the people, the security forces would not be fully effective in the performance of their duties. I call upon the people to come forward to play their part in this war, not only by participating in RELA and Rukun Tetangga, but also by volunteering information and other assistance. Victory in this war against the communist terrorists and anti-national elements means victory of the people themselves.*

*I am confident that the challenges faced by the nation will be overcome, especially in view of the improvement in the economy of the country. This improvement will enable my Government to implement development projects with greater vigour as well as to improve social justice and promote spiritual strength.*

*In the field of education, my Government will continue to provide opportunities and training so that the necessary trained manpower will be available for the successful implementation of the New Economic Policy. I expect students, especially those who lag behind in various fields, to take full advantage of the opportunities and facilities provided. Only with the willingness to exercise self-restraint and self-discipline in the pursuit of knowledge and readiness to take advantage of available opportunities will the aspirations and hopes of the people to eradicate poverty and restructure society be realised.*

*At the same time, my Government will also expand other social services such as health housing and welfare services. The expansion of these services will, to a certain extent, lighten the burden borne by the poor in this period of inflation.*

*In the field of foreign relations, I am gratified with the success achieved at Bali. I am convinced that with this success ASEAN has progressed closer to achieving the objectives and aspirations enshrined in the Kuala Lumpur Declaration to make this region a zone of peace, prosperity, freedom and neutrality.*

*In order to forge closer ties among the states in the Federation, I and the Raja Permaisuri Apong will be making official visits to the states soon to meet the people.*

*In conclusion, I call upon the people to be vigilant, to renew their resolve and determination to face the trials and challenges in the path of our progress. The people must be united and must be prepared to sacrifice their individual and sectional interests in order to safeguard the security of the nation. Without security, development programmes will yield no benefits, and the amenities provided will be neither beneficial nor meaningful to the people. Those who have already gained benefits in the past must exercise patience while the less fortunate are accorded their turns. By the Grace of Allah and with the people's resolve, determination and co-operation, the enemies of the nation will be defeated, and development carried out vigorously for the well-being of all the people.*

*I and my Government would like to record our thanks and appreciation to all concerned, in particular the members of the security forces, for their sacrifices to safeguard the security of the nation.*

**Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*I pray to Allah that HE may bestow HIS blessings upon you and guide you in the discharge of the responsibilities that have been entrusted upon you."*



## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan, 1976;
2. Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan);
3. Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan);
4. Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
5. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan);
6. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah;
7. Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) (Pindaan);
8. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian);
9. Akta Profesion Undang-undang;
10. Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan);
11. Akta Kanun Kesyeksaan (Pindaan dan Perluasan);
12. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
13. Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap);
14. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan);
15. Akta Kesalahan-kesalahan Di Luar Negeri;
16. Akta Wasiat (Pindaan);
17. Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan);
18. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan);
19. Akta Kerajaan Tempatan;
20. Akta Perancangan Bandar dan Desa;
21. Akta Bendapurba;
22. Akta Sewa-beli (Pindaan);
23. Akta Kontrek (Pindaan);
24. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) (Pindaan);
25. Akta Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan);
26. Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya;
27. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
28. Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri;
29. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
30. Akta (Pembubaran) Amanah Perumahan;
31. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan); dan
32. Akta Letrik (Pindahmilik Pepasangan Letrik).

## MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Dewan ini saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak atas kemenangannya tanpa bertanding dalam Pilihanraya Kecil Parlimen bagi Kawasan Pekan baru-baru ini dan mengalu-alukannya ke Dewan ini. Yang Berhormat Datuk Mohamed Najib adalah seorang Ahli yang paling muda dan terbaharu dalam Dewan ini. Saya harap beliau akan dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan negara serta mengikuti jejak langkah ayahandanya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang kita rakyat Malaysia cintai dan rasai atas kepergiannya.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1976;
2. Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan);

3. Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah;
7. Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian);
9. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang;
10. Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan);
11. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan);
12. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2);
13. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap);
14. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 3);
15. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri;
16. Rang Undang-undang Wasiat (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan;
20. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa;
21. Rang Undang-undang Bendapurba;
22. Rang Undang-undang Sewa-beli (Pindaan);
23. Rang Undang-undang Kontrek (Pindaan);
24. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) (Pindaan);
25. Rang Undang-undang Syarikat Kope-ratif (Pindaan dan Perluasan);
26. Rang Undang-undang Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya;

27. Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
28. Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri;
29. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
30. Rang Undang-undang (Pembubaran) Amanah Perumahan;
31. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan); dan
32. Rang Undang-undang Letrik (Pindah-milik Pepasangan Letrik).

Tandatangan :

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

#### UCAPAN TAKZIAH KEPADA DATIN WAN ASIAH DAN KELUARGA

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang sedih saya memaklumkan iaitu kita sekali lagi telah kehilangan seorang Ahli yang juga menjadi Timbalan Menteri dengan kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail, pada 14hb Mac, 1976. Bagi pihak Parlimen, saya telahpun menghantar kawat takziah kepada balu Allahyarham, Datin Wan Asiah dan keluarganya. Marilah kita berdoa semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya dan sebagai mengenangkan jasa-jasa Allahyarham itu, marilah kita bersama bangun bertafakkur selama satu minit dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diminta membaca Fatihah seberapa ikhlasnya.

*(Majlis bertafakkur selama satu minit dan yang beragama Islam membaca Fatihah)*

#### PENGUNAAN BAHASA RASMI MESYUARAT DAN LANTIKAN Y.B. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat pada persidangan Dewan ini pada 19hb Disember, 1975 Yang Berhormat Yang di-Pertua telah membuat satu pengumuman berkenaan dengan penggunaan Bahasa Rasmi di dalam Dewan ini. Berhubung dengan perkara ini, saya sukalah hendak memberikan suatu penjelasan supaya tidak menjadi kekeliruan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat bagi dan dari Sabah dan Sarawak yang hendak juga menggunakan bahasa Inggeris bolehlah

menggunakannya dalam Dewan ini menurut peruntukan dalam Akta Bahasa Kebangsaan Akta 32 Seksyen 5. Walaupun demikian, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bagi dan dari Sabah dan Sarawak itu akan cuba menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan seberapa banyak yang boleh untuk melazimkan dan menfasihkan diri dalam Bahasa Kebangsaan dari semasa ke semasa.

Begitu juga saya suka melantik Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas iaitu Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop untuk menggantikan bila-bila masa saya tidak dapat mempengerusikan sidang ini oleh sebab Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmed Kamil sekarang ini dalam keuzuran dan bercuti sehingga akhir bulan April ini.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PENASIHAT KHAS KEPADA PERDANA MENTERI/KERAJAAN

**1. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada seseorang pegawai tertinggi Kerajaan yang telah bersara kerana mengikut had umur (tetapi masih sihat) yang diakui telah memberikan khidmat yang cemerlang dan luar-biasa semasa ianya masih berkhidmat, dilantik menjadi Penasihat Khas kepada Kerajaan di dalam bidang profesyen pegawai tersebut.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan yang telah bersara dan yang telah memberi khidmat cemerlang dan luarbiasa kepada Kerajaan bagi dilantik semula memegang sesuatu jawatan, bersesuaian dengan pengalaman dan kebolehannya. Bagaimanapun, tiap-tiap cadangan melantik Penasihat Khas kepada Kerajaan adalah dibuat atas pertimbangan tertentu dan atas "merit" satu-satu kes itu.

Selain daripada itu, ramai juga pegawai-pegawai yang bersara dilantik memegang jawatan dalam Lembaga, Perbadanan Kerajaan dan sebagainya di mana pengalaman mereka dapat digunakan.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya:** Di waktu-waktu yang lampau ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan telah diberi tempat seperti mengetahui perbadanan awam ataupun menjadi duta ataupun mengetahui sesuatu suruhanjaya dan ada pula di antara mereka yang diminta bertanding sebagai wakil rakyat. Tidakkah Kerajaan patut memikirkan bahawa adalah lebih menguntungkan bagi Kerajaan jika pegawai-pegawai ini diberikan tempat, jika hendak diberikan tempat di mana mereka ini mempunyai kebolehan dan pengalaman.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab soalan itu.

### PASUKAN ASKAR WATANIAH

**2. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau bercadang untuk memperbesarkan atau menambah lagi yunit Pasukan Tentera Wataniah; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memperkembangkan dan memperbesarkan Pasukan Askar Wataniah supaya negara ini akan dapat mempunyai suatu pasukan simpan yang besar serta cukup terlatih yang boleh dikerahkan di masa-masa darurat.

Rancangan-rancangan pembesaran telahpun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

### ASEAN DI PERSIDANGAN KEMUNCAK, BALI

**3. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri apakah hasil yang dicapai oleh ASEAN di Persidangan Kemuncak di Bali baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sidang Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Bali itu telah menghasilkan tiga dokumen yang dikeluarkan di akhir Persidangan itu iaitu Pengisytiharan Persefahaman ASEAN, Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara dan Kenyataan Akhbar Bersama. Keputusan-keputusan rasmi Sidang

itu sebagaimana terkandung dalam dokumen-dokumen itu sangat jelas maksudnya tetapi saya suka mengambil peluang di sini menerangkan beberapa aspek penting dokumen-dokumen tersebut.

Dokumen pertama iaitu Pengisytiharan Persefahaman ASEAN menerangkan butir-butir mengenai beberapa matlamat dan prinsip kerjasama ASEAN untuk mencapai kesetabilan politik dan program bertindak dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan dan penerangan. Khususnya, saya suka menarik perhatian kepada butir-butir lanjut mengenai kerjasama ekonomi di bidang bahan-bahan utama, perindustrian, perdagangan dan juga mengenai masalah bahan-bahan utama antarabangsa dan lain-lain masalah ekonomi dunia. Persidangan Bali itu juga telah menyetujui secara rasmi mengenai persidangan Menteri-menteri ASEAN berhubung dengan perkara pembangunan ekonomi dan perdagangan sebagai satu saluran menerusi ASEAN yang dapat menjadi tenaga penggerak kepada kerjasama yang lebih erat dalam bidang-bidang itu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, kerjasama ASEAN di bidang ekonomi dan perdagangan memang telah terjalin sejak beberapa tahun lamanya tetapi Persidangan Bali telah memberi dorongan yang kuat terhadap kerjasama itu dan menunjukkan keazaman untuk mengadakan kerjasama serantau yang lebih luas dalam bidang-bidang itu. Malah Persidangan Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur dengan jayanya pada awal bulan Mac mengesahkan bahawa kerjasama ekonomi dan perdagangan ASEAN sekarang bergerak dengan lebih tegas dan lebih kemas.

Dokumen kedua iaitu Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara, yang jika disukai, boleh dipersetujui oleh mana-mana negara pun di Rantau ini, mengadakan rangka bagi hubungan dan kerjasama antara negara-negara di peringkat serantau. Matlamat utama Perjanjian ini ialah menggalakkan keamanan yang kekal serta persahabatan dan kerjasama yang sejati antara rakyat negara-negara yang terikat dengan Perjanjian itu.

Aspek terpenting dalam Perjanjian itu ialah negara-negara yang menandatangani mensifatkan Perjanjian itu sebagai

langkah pertama yang perlu bagi mencapai matlamat mewujudkan kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di Tenggara Asia. Pada hakikatnya, ini ialah suatu langkah yang tegas ke arah membina satu struktur kerantauan bagi keamanan, kemajuan dan kemakmuran penduduk-penduduk rantau ini. Kita berharap Perjanjian ini akan mendapat sokongan semua negara di rantau ini supaya pada satu masa kelak kawasan ini akan wujud untuk memperkukuhkan keharmonian serantau.

Mengenai pengecualian, saya suka menambah iaitu Persidangan Bali telah memersetujui laporan kemajuan yang disediakan oleh pegawai-pegawai dan mengarahkan supaya diteruskan usaha bagi mewujudkan rantau itu dengan segera.

Dalam masa Persidangan itu juga, Menteri-menteri Luar Negara-negara yang hadir telah menandatangani Perjanjian mengenai penubuhan Urusetia ASEAN dan Persidangan juga mengambil ingatan atas perlantikan Setiausaha Agung Urusetia ASEAN yang pertama.

Kesimpulannya Persidangan Bali itu telah menghasilkan keputusan-keputusan yang positif dan juga menentukan peranan sebenar ASEAN dalam kerjasama serantau. Persidangan juga menegaskan bahawa ASEAN ialah pertubuhan yang bukan bercorak ideologi, bukan bercorak ketenteraan dan bukan bersifat permusuhan. Persidangan juga telah menghasilkan kerjasama yang lebih luas dan kukuh di kalangan anggota-anggotanya. Persidangan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN ini yang pertama kali diadakan telah memberi kesempatan kepada mereka untuk mahami masalah dan kebimbangan masing-masing supaya tercapai persefahaman bersama yang lebih mendalam lagi. Kesempatan bertukar-tukar fikiran di peringkat yang tertinggi ini bolehlah dianggap sebagai satu kejayaan besar persidangan itu yang berjaya menghasilkan kerjasama yang lebih kukuh dalam berbagai bidang yang menandakan harapan cerah bagi masa depan ASEAN.

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan Persidangan Bali tidak bercorak ketenteraan, adakah di dalam pengisytiharan yang diumumkan di persidangan tersebut, adakah perjanjian sulit tentang pertahanan yang dibuat di persidangan tersebut?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Persidangan ASEAN kemuncak semuanya adalah terbuka, tidak ada perjanjian-perjanjian sulit.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ada sebuah negara di Asia iaitu Vietnam Utara telah membantah tentang aspect adanya Persidangan Bali; boleh digunakan sebagai suatu jaminan pertahanan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, itu fahaman dan pandangan negara itu, bukan pandangan dan fahaman ASEAN.

#### **PILIHANRAYA UMUM BAGI MAJLIS UNDANGAN NEGERI SABAH**

**4. Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar Pilihanraya Umum untuk Majlis Undangan Negeri Sabah akan diadakan pada bulan Mac dan April 1976. Adakah beliau sedar juga adalah mustahak Pilihanraya Umum tersebut dilaksanakan dengan adil dan saksama.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bukan sahaja sedar bahkan Pilihanraya Umum untuk Majlis Undangan Negeri Sabah sedang berjalan sekarang. Kerajaan juga sedar bagaimana mustahaknya Pilihanraya Umum itu dilaksanakan dengan adil dan saksama. Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengambil segala langkah untuk memastikan pilihanraya yang sedang diadakan di Sabah berjalan dengan adil dan saksama dan di dalam keadaan aman dan tenteram. Pihak Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah keselamatan demi menjamin kelancaran pilihanraya itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di beberapa tempat, ada beberapa anggota parti-parti yang ingin memasuki sesuatu pulau umpamanya, tetapi dihalau atau tidak dibenarkan memasuki pulau tersebut oleh beberapa pihak yang tertentu. Jika beliau tidak sedar, bolehkah beliau menyiasat perkara ini oleh kerana akibatnya boleh merusakkan keamanan yang berlaku di sana.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar atas masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan jika beliau dapat memberi butir-butir lanjut, saya akan menyiasat.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ada beberapa tuduhan yang dibuat oleh satu parti yang mengambil bahagian dalam pilihanraya umum di Sabah iaitu satu parti di sana menggunakan kakitangan Kerajaan Negeri mahupun kakitangan Kerajaan Pusat dalam kempennya.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi saya butir-butirnya. Kalau dibangkitkan tidak secara detail mengenai kakitangan yang terlibat, saya tidak dapat menjawabnya. Kalau Yang Berhormat dapat memberikan butir-butirnya, saya akan menyiasat.

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di surat khabar *Sabah Times*, pada 22hb Mac, muka surat 1, ruangan penghabisan, di bawahnya ada satu berita yang menyatakan Pemangku Ketua Menteri dan bekas Pemangku Ketua Menteri ada mengadakan ceramah di bandar Tawau dan dijemput seorang Residen Tawau, iaitu Datuk Albert Watson. Ini saya telah beri butir-butir yang penuh. Kalau sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sedar, bolehkah beliau siasat perkara ini?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 23 (1) (i) tidak membenarkan seseorang Ahli bertanya betul atau tidaknya penerangan-penerangan atau berita dalam akhbar-akhbar. Soalan ini tidak payah dijawab.

#### **ASEAN—KEMASUKAN LAOS/REPUB- LIK KHMER/VIETNAM UTARA— SELATAN**

**5. Tuan Haji Madina bin Unggut** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada terdapat sebarang kemungkinan dalam masa yang singkat bagi Laos, Republik Khmer, Vietnam Utara dan Selatan menjadi anggota ASEAN.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, kemasukan mana-mana negara dalam ASEAN mestilah dipersetujui oleh semua anggota-anggota ASEAN yang ada sekarang ini. Pada umumnya, ASEAN sebagai sebuah pertubuhan menyambut baik kemungkinan kemasukan anggota-anggota baru dari rantau ini termasuk Laos, Kemboja dan Vietnam. Di dalam tempoh masa yang singkat ini, saya tidak merasakan yang negara-negara Indochina akan mengorak langkah ke arah menjadi ahli-ahli ASEAN kerana tugas-tugas mereka yang pertama ialah menyejajarkan pembangunan masyarakat dan pemulihan ekonomi mereka.

#### HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN BRUNEI

**6. Tuan Haji Madina bin Unggut** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan hubungan sekarang di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei dan samada Brunei sebagai sebuah negara Islam, akan bergabung dengan Malaysia di masa yang akan datang.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Brunei belum lagi sebuah negara yang merdeka. Hubungan kita dengannya adalah dikendalikan menerusi Kerajaan British. Hubungan di antara kedua pihak sekarang adalah baik dan Malaysia sebagai negara tetangga Brunei yang rapat akan mengusahakan apa yang boleh bagi mempereratkan lagi hubungan itu.

Mengenai kemungkinan Brunei bergabung dengan Malaysia di masa hadapan, saya hendak menyatakan di sini bahawa masa hadapan Brunei tidaklah tergantung kepada sesiapa atau mana-mana negara. Masa hadapannya terletak seluruhnya kepada rakyatnya sendiri dan pihak yang berkuasa di Brunei.

#### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA—PERLAKSANAAN

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan telahpun mengkaji dan meneliti kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan Rancangan Malaysia Kedua sebelum bersedia me-

lancarkan Rancangan Malaysia Ketiga supaya kesilapan-kesilapan seumpama ini tidak akan diulangi;

- (b) tumpuan utama Rancangan Malaysia Ketiga dan samada Kerajaan boleh memberi satu jaminan bahawa setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum akan menikmati hasil dari pelaksanaan Rancangan tersebut; dan
- (c) sebab-sebab pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga ditunda dari bulan Mac ke Julai.

**Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, ini telahpun dilakukan. Tiap-tiap rancangan adalah dirangka berpancukan pengalaman rancangan yang sebelumnya supaya proses perlaksanaannya dapat diperbaiki. Rancangan Malaysia Ketiga juga demikian.
- (b) Matlamat utama yang akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah membentuk perpaduan negara menerusi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat seperti yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru.
- (c) Penundaan Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan untuk memberi masa yang lebih kepada Kerajaan dan sektor swasta untuk menilai dan membincangkan "issue-issue" dasar-dasar dengan memikirkan keadaan-keadaan kebelakangan ini dari segi prospek ekonomi dan aspek keselamatan dalam perancangan dan juga pelaksanaannya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada Kerajaan bercadang mendapat pandangan daripada semua lapisan masyarakat sebelum membentuk dan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan sudah menubuhkan sebuah Jawatankuasa supaya mendapat pandangan-pandangan dari pihak swasta dan pandangan-pandangan ini akan diteliti oleh pihak berkenaan dan diambil berat.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini bilakah Rancangan Malaysia Ketiga ini akan disampaikan kepada anggota Dewan ini dan berapa hari akan diumumkan supaya Dewan ini boleh membincangkan Rancangan Malaysia Ketiga tersebut?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama bolehlah Yang Berhormat Menteri jawab. Yang kedua, itu terserah kepada Yang di-Pertua menentukan berapa hari.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga akan dikemukakan dalam Dewan ini pada bulan Julai tahun ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya lihat atau baca di senarai yang diberikan oleh Dewan ini iaitu Dewan Rakyat akan bersidang mulai daripada 5hb Julai hingga 30hb Julai. Kita diumumkan 20 hari tetapi bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu berapa hari sebelum 5hb Julai Rancangan Malaysia Ketiga boleh disampaikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat memberitahu dengan tepatnya bilakah Rancangan Malaysia Ketiga boleh dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Tetapi Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan sedang membuat rancangan ini dan adalah diharapkan supaya laporan ini boleh di siap sebelum bulan Julai.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar sekiranya kita mulai membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga pada 5hb Julai perlu dan terpaksa Kerajaan memberi kepada Dewan ini masa yang cukup supaya kita boleh baca dan selidik Rancangan Malaysia Ketiga dengan sedalam-dalamnya. Oleh itu, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini bolehkah Kerajaan cuba menyampaikan Rancangan Malaysia Ketiga sekurang-kurangnya sebulan sebelum Dewan ini bermesyuarat pada 5hb Julai 1976?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, insya Allah. (Ketawa).

## KEMATIAN ALLAHYARHAM TUN HAJI ABDUL RAZAK

**8. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan untuk menghapuskan desas-desus setengah-setengah pihak di atas kurang rapinya penjagaan dan rawatan perubatan terhadap penyakit yang dihadapi oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, bekas Perdana Menteri kita yang tercinta hingga menyebabkan kematian yang begitu memeranjatkan rakyat Malaysia, adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan satu kenyataan di atas perkara tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, rawatan perubatan yang diterima oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein ialah mengikut kehendak, keyakinan dan peraturan beliau sendiri. Perkara rawatan perubatan bagi seseorang itu adalah juga merupakan satu perkara persendirian, yang ditentukan mengikut serasi atau secocok dan kehendaknya. Rawatan perubatan yang diberikan kepada Allahyarham itu pada hemat Kerajaan adalah rawatan yang sebaik-baiknya yang telah diperolehi.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan sebarang kenyataan di atas perkara tersebut.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa negara kita amat memerlukan pemimpin-pemimpin dan dengan demikian kesihatan pemimpin-pemimpin adalah sangat diperlukan, saya ingin mendapat penjelasan adakah Kerajaan bercadang di masa akan datang untuk mengadakan satu peraturan yang menetapkan bahawa satu pemeriksaan dan rawatan perubatan yang tetap akan diberikan tiap-tiap dua bulan sekali atau seumpamanya kepada pemimpin-pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri atau sesiapa pemimpin yang berkenaan untuk menjaga kesihatan pemimpin-pemimpin itu supaya dapat terjamin.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini memang selalunya ada diperiksa dan semuanya sihat. Bila lama tidak hadir ke Dewan bermakna tidak sihatlah.

## ASEAN—PENGISYTIHARAN BALI

**9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah soal atas keselamatan di kalangan negara-negara ASEAN tidak ditekankan dengan lebih jelas dalam Peristiharan Bali baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, biarlah pada mulanya saya menegaskan di sini, sebagai yang pernah saya nyatakan di mana-mana jua dahulu, bahawa ASEAN bukanlah sebuah pertubuhan keselamatan atau pertahanan. Sebagaimana yang di jelaskan dalam Pengistiharan Bangkok 1967, ASEAN ialah pertubuhan serantau untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, kebudayaan teknik, sains dan pentadbiran.

Bagaimanapun, dalam meletakkan asas bagi kerjasama ASEAN, negara-negara anggota bukanlah tidak menyedari perlunya soal keselamatan, bahkan mereka berazam “untuk memastikan kestabilan dan keselamatan negara masing-masing, bebas dari sebarang campurtangan luar dalam apa bentuk juapun bagi mengekalkan identiti nasional sesuai dengan aspirasi dan cita-cita rakyat.”

Sejajar dengan matlamat yang tersebut di atas tadi, Sidang Kemuncak Bali antara Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telah menumpukan perhatian kepada kemungkinan kerjasama dalam bidang-bidang sosio-ekonomi. Sungguhpun begitu, kita juga telah menyentuh masalah keselamatan sebagaimana yang dibayangkan dalam Pengistiharan Persefahaman ASEAN, yang merujuk kepada “Kerjasama terus-menerus di peringkat bukan ASEAN iaitu di peringkat di antara negara-negara anggota dalam bidang keselamatan sesuai dengan kehendak dan kepentingan bersama”, dalam bahasa Inggerisnya ialah:

“The Declaration of ASEAN Concord which refers to the Continuation of Co-operation on a non-ASEAN basis between member States in security matters in accordance with their mutual needs and interests”.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata bahawa negara-negara anggota ASEAN tidak mahu menukar corak ASEAN sebagai sebuah pertubuhan sosio-ekonomi kepada

suatu pakatan keselamatan, kerana ini akan menimbulkan salah faham di rantau ini dan melemahkan kejayaan-kejayaan positif yang dicapai oleh ASEAN dalam usaha menggalakkan keamanan dan kestabilan menerusi kerjasama dalam lapangan sosio-ekonomi dan lain-lain bidang.

## LEMBAGA PERANCANG KELUARGA—KADAR KELAHIRAN

**10. Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Lembaga Perancangan Keluarga untuk menyekat bertambahnya bilangan penduduk dengan mengurangkan kadar kelahiran di negara ini; dan samada beliau sedar tentang masalah-masalah yang akan dihadapi oleh negara ini dalam masa 5 atau 10 tahun yang akan datang sekiranya langkah-langkah segera untuk menyekat kelahiran tidak diambil oleh Kerajaan sekarang.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perancang Keluarga Negara telah melaksanakan rancangan perkhidmatan perancangan keluarga menerusi 77 klinik tetap dan lebih dari 400 klinik bergerak di kawasan-kawasan bandar di Semenanjung Malaysia. Ianya juga menyelaras perkhidmatan perancang keluarga dan aktiviti-aktiviti yang memberi dorongan (motivation) kearah perancang keluarga yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti Kementerian Kesihatan, Persatuan-persatuan Perancang Keluarga, FELDA dan estet.

Rancangan perkhidmatan perancang keluarga di bawah Kementerian Kesihatan adalah digabungkan dengan perkhidmatan kesihatan luar bandarnya. Lembaga juga memberi bantuan penerangan dan pelajaran kepada semua agensi-agensi yang melaksanakan perancang keluarga untuk mendorong ibu-ibu di kawasan bandar dan luar bandar supaya menerima perancang keluarga.

Lembaga Perancang Keluarga Negara sentiasa mencuba cara-cara baru untuk memberi perkhidmatan dan dorongan kepada masyarakat untuk menerima perancang keluarga. Pada tahun ini satu rancangan intensif ditumpukan kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, penghuni-penghuni di kawasan sesak dan setinggan-setinggan di kawasan bandar akan



dilancarkan. Selain dari itu, terdapat beberapa projek percubaan yang telah dijalankan dengan jayanya seperti lawatan ke rumah oleh kakitangan Lembaga, penggunaan pencegah hamil suntikan 3 bulan sekali dan sebagainya yang akan diperluaskan supaya meliputi keseluruhan penduduk bandar di negara ini.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya tegaskan bahawa Kerajaan sentiasa sedar akan akibat buruk pertambahan penduduk yang cepat terhadap pembangunan socio-ekonomi negara dan juga terhadap kesejahteraan penduduk. Ini telah diakui dari awal lagi dalam Rancangan Malaysia Pertama di mana satu daripada tujuan Rancangan itu ialah untuk menyediakan kerja-kerja asas untuk melambatkan pertambahan penduduk dengan mengadakan satu rancangan perancang keluarga yang berkenaan dan berkesan.

#### **WARGANEGARA MALAYSIA BEKERJA DI SINGAPURA**

**11. Tuan Lim Kiam Hoon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) berapa ramai Warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura sebagai buruh "jemputan" semasa ini; dan
- (b) apakah peluang-peluang pekerjaan yang akan dibuka kepada mereka sekiranya perkhidmatan mereka itu tidak dikehendaki lagi di Singapura dalam masa yang akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura sebagai buruh semasa ini tidak dapat disediakan oleh kerana pekerja-pekerja tersebut tidak dikehendaki di bawah Undang-undang untuk melapurkan kepada Kerajaan bahawa mereka ingin bekerja di luar negeri.
- (b) Peluang-peluang pekerjaan adalah sentiasa ada dari semasa ke semasa di negara ini. Jikalau pekerja-pekerja ini kembali ke Malaysia dan mendaftarkan

diri di Perkhidmatan Pekerjaan, usaha-usaha akan dijalankan untuk menempatkan mereka di dalam pekerjaan yang sesuai.

#### **PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEPADA KERAJAAN PUSAT**

**12. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah dipinjamkan oleh:

- (a) Kerajaan Persekutuan daripada berbagai Kerajaan-kerajaan Negeri; dan
- (b) Kerajaan-kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada penghujung tahun 1975 dengan memberikan sebab-sebab mengapa wang tersebut dipinjam dan lewat dijelaskan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hanya ada satu pinjaman sahaja yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat iaitu pinjaman berjumlah \$5 juta daripada Kerajaan Negeri Sabah melalui surat Perjanjian Pinjaman bertarikh 2-4-71, yang dipinjamkan semula kepada Kerajaan Negeri Trengganu. Tujuan pinjaman ini ialah untuk projek Kelapa Sawit Sungai Tong, Trengganu.
- (b) Jumlah pinjaman-pinjaman yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri sehingga 31-12-75 ialah \$972,220,540.31.

Adalah dijelaskan di sini bahawa pinjaman ini diberi ialah untuk projek pembangunan yang berguna (viable) seperti Bekalan Air, Perumahan Awam, Ladang-ladang Awam dan lain-lain. Kelewatan membayar balik jarang-jarang berlaku tetapi kalau adapun adalah disebabkan beberapa faktor-faktor misalnya:

- (a) Kelewatan di dalam melaksanakan dan menyiapkan projek-projek berkenaan disebabkan oleh kos-kos tinggi dalam segi barang dan lain-lain keperluan.
- (b) kelewatan menerima hasil dan Kerajaan Negeri tidak berupaya membuat pembayaran balik sebagaimana yang telah ditetapkan.

### MALARIA DI KENINGAU/PENSIANGAN

13. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa bilangan kes-kes Malaria di Sabah telah bertambah dengan banyaknya terutama di Daerah-daerah Keningau dan Pensiangan antara tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 sebagaimana yang ditunjukkan oleh angka-angka di bawah ini:

*Tahun Bilangan kes-kes Malaria di Daerah-daerah Keningau/Pensiangan*  
*Jan. Feb. Mac. Apr. Mei Jun Julai Ogos Sept. Okt. Nov. Dis.*

1973 214 146 140 85 128 98 84 76 43 29 42 29

*Jumlah 1,114 kes-kes Malaria yang disahkan*

1974 16 22 35 21 56 115 116 130 97 137 188 191

*Jumlah 1,124 kes-kes Malaria yang disahkan*

1975 250 229 182 363 348 368 354 531 477 647 557 496

*Jumlah 4,829 kes-kes Malaria yang disahkan*

*Terdapat sebanyak 7,067 kes-kes Malaria dalam tahun-tahun 1973/1974/1975*

- (b) apakah langkah segera yang akan dijalankan oleh Kementerian untuk memperbaiki sistem menghapuskan Malaria di Daerah-daerah Keningau/Pensiangan memandangkan bertambahnya dengan banyak bilangan kes-kes malaria yang disahkan;

(c) samada beliau sedar tentang perkara-perkara yang berikut:

- (i) kekurangan bekalan DDT dan banyak rumah-rumah tidak disembur;
- (ii) kekurangan bekalan CHOLOROQUINE dan PRIMAQUINE untuk dibahagikan kepada orang kampung kerana ketiadaannya di Jabatan Kawalan Malaria di Kota Kinabalu, Sabah; dan
- (iii) terdapat hanya sebuah Land Rover yang dipakai oleh Jabatan Mencegah Malaria di Keningau sekarang ini. Ini tidak mencukupi jika Perkhidmatan Kawalan Malaria hendak dikemaskinikan dan apakah tindakan yang akan dijalankan untuk mengatasi masalah orangramai dalam menghapuskan kadar kes-kes Malaria yang tinggi.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, (a) Bilangan kes-kes malaria yang telah disahkan dalam daerah Keningau dan Pensiangan bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

		<i>Keningau</i>		<i>Pensiangan</i>
1973	...	785 kes	...	331 kes
1974	...	1,320 kes	...	36 kes
1975	...	5,442 kes	...	134 kes

Maklumat lanjut mengenai bilangan kes-kes malaria bagi tiap-tiap bulan akan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di akhir waktu pertanyaan ini. Dari angka-angka yang saya berikan itu, jelaslah bahawa hanya di Keningau sahaja bilangan kes-kes malaria telah bertambah. Ini adalah disebabkan oleh:

- (i) Resistance *P. Falciparum* (satu jenis parasit malaria yang paling terkemuka di Sabah seluruhnya) kepada choloroquine;
- (ii) Perubahan di dalam pola kelakuan vector yang membawa penyakit itu, *A. balabacensis*. Vector ini sekarang terdapat bukan sahaja di hutan-hutan, di bukit-bukit yakni di kawasan-kawasan pinggir kampung, bahkan juga di kampung-kampung dan bandar-bandar. Di samping itu, penggunaan DDT tidak dapat melalikan vector ini.

(b) Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan kes-kes malaria di Keningau ialah seperti berikut:

- (i) Seluruh daerah Keningau kecuali kawasan bandar telahpun disembur dengan ubat DDT sebanyak dua kali setahun semenjak tahun 1975. Sebelum daripada ini semburannya dibuat di tepi-tepi kampung sahaja. Bandar Keningau tidak disembur oleh sebab ianya adalah di dalam kawasan berjaga-jaga (surveillance). Kumpulan semburan telahpun ditambah daripada 3 hingga 5 semenjak awal tahun 1975;
- (ii) Satu lagi pusat merawat malaria telahpun diadakan di Mansiad pada tahun 1975 dan bagi tahun 1976 dua lagi pusat seperti itu akan diadakan di Apin-Apin dan Sook. Penolong Malaria Technician/Microscopist bagi pusat-pusat ini adalah sedang menjalani latihan;
- (iii) Seorang pegawai kanan yang berpangkat Senior Malaria Technician akan ditempatkan di Keningau untuk menguatkan lagi kerja-kerja penyeliaan. Ia akan berkhidmat dalam bulan April 1976;
- (iv) Semua bahagian-bahagian semburan telahpun disatukan untuk menyenangkan penyeliaan dan mengurangkan perbelanjaan perjalanan;
- (v) Siasatan berkenaan dengan entomology (susceptibility test of the vector *A. balabacensis* and suspected vector *A. donaldi* to DDT) akan juga dibuat tidak berapa lama lagi.

(c) (i) Tidak ada apa-apa bukti yang menunjukkan ada kekurangan DDT di Keningau dan Pensiangan. Jumlah DDT yang telah diberi kepada daerah Keningau dan Pensiangan dan jumlah DDT yang telah digunakan adalah seperti berikut:

		<i>Jumlah DDT diberi</i>		<i>Jumlah DDT diguna</i>
1973	...	9,600 lbs	...	8,646 lbs
1974	...	9,090 lbs	...	7,495 lbs
1975	...	11,652 lbs	...	7,697 lbs

Bilangan rumah-rumah yang tidak dapat disembur di daerah Keningau dan Pensiangan bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti di bawah ini:

<i>Pensiangan</i>				
1973	...	48	daripada	1,419 buah rumah.
1974	...	81	daripada	1,242 buah rumah.
1975	...	132	daripada	1,147 buah rumah.
<i>Keningau</i>				
1973	...	1,237	daripada	8,406 buah rumah.
1974	...	1,149	daripada	7,799 buah rumah.
1975	...	1,837	daripada	10,269 buah rumah.

Sebab-sebab mengapa rumah-rumah yang tersebut tidak dapat disembur adalah seperti berikut:

- (i) Tuan yang punya rumah tidak membenarkan semburan;
- (ii) Rumah-rumah terkunci bila penyembur-penyembur melawat;
- (iii) Pantang dan taboo.

(c) (ii) Tidak ada bukti yang menunjukkan kekurangan ubat Choloroquine dan Primaquine bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975. Jumlah kedua-dua ubat yang telah dibekalkan untuk daerah Keningau dan Pensiangan dan jumlah yang telah digunakan oleh kedua-dua daerah adalah seperti berikut:

			<i>Choloroquine</i>			<i>Primaquine</i>		
			<i>Diberi</i>	<i>Diguna</i>		<i>Diberi</i>	<i>Diguna</i>	
1973	...	14,400	12,800	...	12,800	11,200		
1974	...	37,600	25,000	...	14,400	9,700		
1975	...	100,000	62,250	...	24,000	15,050		

(c) (iii) Adalah betul, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hanya satu short wheel base Land Rover telah ditempatkan di daerah Keningau/Pensiangan. Tindakan sedang diambil untuk mendapatkan satu lagi Land Rover bagi daerah tersebut dalam tahun 1977. Bagi sementara waktu, jika keadaan memerlukan satu lagi Land Rover, maka ini bolehlah dipinjamkan daripada perkhidmatan kesihatan umum.

Tindakan yang telah diambil untuk mengawal penyakit malaria di daerah Keningau dan Pensiangan telahpun diberi dalam jawapan saya tadi.

#### PERSIDANGAN KEMUNCAK BALI

**14. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia berpuashati dengan Persidangan Kemuncak Bali dan nyatakan kesan-kesan khas yang telah diperolehi di Perundingan tersebut.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telahpun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawapan beliau kepada soalan 3 yang sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong hari ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah tidak hadir).

#### CUKAI PENDAPATAN KEPADA PENULIS

**16. Tuan Azahari bin Md. Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membebaskan royalti dan honorarium yang diberikan kepada para penulis itu daripada dikenakan cukai pendapatan untuk menggalakkan mereka menghasilkan karya yang lebih banyak dan bermutu.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, sebarang permintaan seperti ini yang akan mengakibatkan kehilangan hasil kepada Kerajaan hendaklah dikaji dengan sehalus-halusnya, terutama sekali dari segi samada kehilangan hasil itu sungguh-sungguh perlu untuk mencapai tujuan itu.

#### CERMIN (WINDSCREEN) WARNA GELAP

**17. Datuk Peter Lo Su Yin** (di bawah S.O. 24 (2)) minta kepada Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

(a) samada Kerajaan sedar bahawa kereta-kereta yang menggunakan cermin berwarna gelap "Windscreen" dan "Window screen" semakin bertambah di jalanraya dan adakah ini menjadi kesalahan pada sisi undang-undang, kiranya menjadi kesalahan, mengapakah pihak berkuasa tidak mengambil tindakan terhadap hal ini; dan

(b) berapa banyakkah tuan-tuan punya kereta yang menggunakan cermin berwarna gelap seperti di atas telah didenda dan selepas itu adakah Kerajaan akan memastikan bahawa kesalahan itu tidak diulangi oleh mereka yang telah didapati bersalah.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan sedar bahawa ada kereta-kereta yang menggunakan cermin (Windscreen) yang berwarna gelap. Adalah menjadi kesalahan di bawah Undang-undang bagi sesiapa menggunakan kereta yang bercermin gelap, sekiranya cermin-cermin warna gelap itu tidak mematuhi kehendak Kaedah 106, the Motor Vehicles (Construction and Use) Rules, 1959. Dari itu, perlulah diambil ingatan bahawa tidak kesemua cermin berwarna gelap menjadi kesalahan sekiranya digunakan sebagai "Windscreen" sesebuah kereta. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah membenarkan tinta-tinta seperti berikut digunakan:

(1) Light Blue.

(2) Medium Green.

- (3) Gold Transparent.
- (4) Rose Transparent.
- (5) Gray Transparent.
- (6) White Transparent.

setelah tinta-tinta tersebut diperiksa dan diakui oleh Jabatan Kimia sebagai tidak mengganggu penglihatan derebar dan oleh itu tidak melanggar kaedah 106.

- (b) Setakat ini tidak ada mana-mana tuan punya kereta yang telah didenda atas kesalahan tersebut. Namun demikian, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa diminta memastikan mana-mana kereta yang menggunakan "Wind-screen" tinta yang difikirkan mungkin tidak menepati kehendak Undang-undang, seperti yang dibenarkan.

#### INSTITIUT TEKNOLOJI MARA— KEMUDAHAN PELAJARAN

**18. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan kemudahan-kemudahan yang didapati oleh seseorang pelajar daripada pihak yang berkuasa manakala ia diterima masuk belajar di Instituti Teknologi MARA dan adakah kemudahan-kemudahan seperti ini diberi juga kepada penuntut-penuntut di lain-lain yayasan pelajaran seumpama itu.

**Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar Instituti Teknologi MARA ialah kemudahan tempat tinggal dan makanan percuma, yuran percuma, wang saku serta wang tambang perjalanan untuk datang dan balik dari Instituti Teknologi MARA. Walau bagaimanapun, setengah daripada pelajar-pelajar itu dikehendaki membayar yuran setakat mana yang mereka mampu, berdasarkan kepada jumlah pendapatan ibu-bapa/penjaga mereka. Kemudahan-kemudahan seperti ini tidak diberikan kepada pelajar-pelajar di yayasan pelajaran tinggi yang lain yang seumpama itu, kecuali kepada pelajar di Maktab-maktab Perguruan. Di dalam hubungan ini ingin saya tegaskan di sini, bahawa pelajar-pelajar di Maktab-maktab Perguruan adalah mereka yang telah dipilih untuk mengikut latihan pra-perkhidmatan (pre-service training), di

mana selepas latihan itu kelak mereka akan diterima untuk memasuki bekerja di dalam perkhidmatan pelajaran sebagai guru-guru yang terlatih.

#### BEKALAN LETRIK OLEH L.L.N.

**19. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan mengapa Lembaga Letrik Negara tidak dapat mengimbangkan bekalan letrik terhadap sesebuah projek yang tertentu dengan pembangunan projek itu terutama sekali berkaitan dengan Kilang Simin di Perlis yang hanya dapat mengeluarkan jumlah simin yang terhad kerana tidak cukup bekalan letrik.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya pihak Lembaga Letrik Negara merancangkan bekalan letrik ke bakal pengguna perindustrian selaras dengan perkembangan mereka, berasas kepada maklumat-maklumat tertentu yang ditetapkan oleh bakal pengguna itu mengikut jadual mereka. Tetapi ada kalanya beberapa kesulitan dialami dalam urusan menemui kehendak-kehendak perindustrian itu oleh sebab maklumat kehendak mereka tidak diberitahu kepada pihak Lembaga Letrik Negara dengan cukup awal.

Dalam kes-kes yang lain pula, kelewatan dalam penyambungan bekalan letrik mungkin berlaku akibat faktor-faktor yang luar daripada kawalan pihak Lembaga Letrik Negara, misalnya, mendapatkan izin lalu bagi aliran talian penghantaran dan tapak pencawang.

Dalam perkara bekalan letrik kepada Kilang Simin di Perlis, khususnya, penyampaian bekalan telah dirancang oleh pihak Lembaga Letrik Negara supaya ianya dilaksanakan dalam dua peringkat, iaitu:

- Peringkat I ... Untuk menyempurnai kehendak tenaga permulaan 1.8 MW dengan mendirikan suatu talian atas 33 kV dari Kangar ke Bukit Ketri, dan
- Peringkat II ... Untuk menyempurnai kehendak tenaga penuh berjumlah 8.3 MW melalui suatu talian penghantaran 132 kV dari Alor Setar ke Bukit Ketri, serta sebuah pencawang besar di Bukit Ketri.

Segala kerja berkaitan dengan Peringkat I itu telah disempurnakan dalam bulan Mei 1975 dan bekalan permulaan kepada Kilang Simin itu diberi dalam bulan Jun 1975.

Walaupun pihak Lembaga Letrik Negara telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk memberi bekalan penuh pada awal tahun ini, akan tetapi oleh kerana beberapa masaalah-masaalah yang telah dihadapi oleh pihak Lembaga Letrik Negara tentang usahanya untuk mendapat izin lalu yang perlu untuk membina talian penghantaran 132 kV itu, khasnya bantahan-bantahan oleh beberapa petani-petani dan tuan-tuan rumah, maka kerja-kerja terkandung dalam Peringkat II itu telah terganggu beberapa kali dan dengan itu penyelesaian bekalan penuh ke Kilang Simin itu terpaksa ditunda. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan tertentu sedang dijalankan dengan giat dan dijangka akan diselesaikan pada bulan Oktober 1976 dengan mendapat kerjasama daripada semua golongan yang berkenaan. Sebaik sahaja kerja-kerja itu selesai, bekalan penuh yang dikehendaki oleh Kilang Simin itu akan diberi.

Namun begitu, untuk sementara waktu, iaitu sebelum penyelesaian Peringkat II, pihak L.L.N. telah sanggup memberi tambahan bekalan lebih kurang 1.5 MW dari rangkaian sistem pembahagian yang ada sekarang.

#### **RANCANGAN FELDA KEMAHANG— PENEROKA**

**20. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini berapa bilangan peneroka-peneroka yang terdiri daripada bekas perajurit dan bekas polis di rancangan tanah FELDA Kemahang di Kelantan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis belum lagi dimasukkan ke dalam rancangan FELDA Kemahang. Kerajaan Negeri Kelantan menguntukkan kawasan seluas lebih kurang 5,000 ekar di rancangan Kemahang bagi bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis itu. Mereka akan ditempatkan apabila sahaja kemudahan-kemudahan asas kawasan perkampungan siap kelak.

#### **PEMBUKAAN LAIN-LAIN RANCANGAN TANAH DI KELANTAN**

**21. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau bercadang membuka lain-lain rancangan tanah di Kelantan seperti rancangan tanah FELDA di Kemahang, jika ya, bila.

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada rancangan di Kemahang, FELDA sedang membuat persiapan bersama dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membuka rancangan-rancangan baharu di kawasan Sungai Chiku dan Sungai Aring di Ulu Kelantan.

#### **LAPANGAN TERBANG ANTARA- BANGSA SUBANG—KAWALAN GANGGUAN**

**22. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada apa-apa rancangan dibuat untuk mengadakan sistem kawalan gangguan bunyi bising bagi kantin awam di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi mengurangkan bunyi bising oleh kapalterbang-kapalterbang.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada di dalam rancangan pembaikan bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur di mana kantin awam akan diubah ke tempat yang sekarang digunakan sebagai bilik persinggahan (transit lounge). Bilik tersebut mempunyai sistem kawalan gangguan bunyi bising dan dengan yang demikian keadaan bunyi bising dapat dikurangkan.

#### **TUDM—PEMBELIAN KAPALTERBANG F-5E**

**23. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) mengapa penjualan kapalterbang pejuang Northrop F—5E bagi TUDM telah tidak dibuat antara Kerajaan dengan Kerajaan, tetapi sebaliknya dibuat melalui sebuah Syarikat yang bernama Syarikat Bumiputra;
- (b) samada beliau sedar bahawa suatu rencana di dalam Far Eastern Economic Review keluaran 16hb Januari, 1976 telah melaporkan bahawa seorang

yang bernama S.H. Tan dan seorang lagi yang bernama Tim Lewis di Bangkok, telah dibayar komisyen kerana peranan mereka menganjurkan penjualan kapalterbang tersebut. S.H. Tan dibayar melalui Swiss Bank Corporation di Zurich;

- (c) siapakah pengarah-pengarah Syarikat Bumiputra dan berapa orang di antara mereka bekas-bekas Ahli Parlimen dan Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri, masih Ahli Dewan Undangan Negeri dan kakitangan-kakitangan Kerajaan; dan
- (d) mengapa Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Abdullah Ahmad ada mengatakan bahawa pembelian kapalterbang pejuang Northrop F-5E bagi TUDM itu adalah urusan dari sebuah Kerajaan dengan sebuah Kerajaan apabila beliau menjawab soalan mengenai perkara ini pada 19hb November, 1975 samada Kerajaan akan menyiasat mengenai pengumuman Kongres Amerika bahawa komisyen telah dibayar kepada Malaysia, sedangkan yang sebenarnya tidak begitu.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Anggapan Yang Berhormat Ahli dari Kinta itu tidak betul. Yang sebenarnya pembelian kapalterbang F-5E bagi TUDM telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia melalui Kerajaan Amerika Syarikat di bawah Rancangan Foreign Military Sales atau FMSnya.
- (b) Saya sedar tentang adanya rencana di dalam Far Eastern Economic Review keluaran 16hb Januari, 1976 yang menyebut perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (c) Butir-butir yang Ahli Yang Berhormat kehendaki itu dapat diperolehi dari sumber-sumber tertentu. Oleh itu tidak perlu lagi saya menjawabnya mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (n).
- (d) Jawapan yang telah diberi oleh bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Y.B. Datuk Abdullah Ahmad pada masa itu bagi pihak Y.B. Menteri Pertahanan adalah betul. Pembelian itu telah dilakukan melalui Kerajaan Amerika Syarikat. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun memulakan siasatan atas perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada pihak Kerajaan selepas lapuran atau mendapat tahu dalam sidang mesyuarat Jawatankuasa Kecil Senate Amerika Syarikat mengenai multi-national corporations di mana perkara ini timbul dan dibongkar daripada dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Kecil itu bahawa ada pembayaran wang rasuah oleh pihak Northrop kepada orang-orang tertentu di Malaysia di dalam penjual jet-fighters itu. Adakah pihak Kerajaan berhubung dengan pihak Kerajaan Amerika Syarikat bagi mendapatkan semua butir-butir berkenaan untuk menjalankan siasatan?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, siasatan sedang dijalankan oleh Kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sedikit mengenai apa rupa bentuk siasatan yang beliau sebut telah dijalankan?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Oleh sebab siasatan sedang dijalankan dan ini adalah tuduhan-tuduhan yang timbul daripada suatu majallah ataupun akhbar, pada peringkat ini, saya tidak dapat untuk memberikan keterangan-keterangan yang lanjut lagi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan Pusat mahupun Kementerian Pertahanan tulis kepada Jawatankuasa Kecil Senate yang telah menyiasat penjualan Kapalterbang F-5E ini dan jika ada adakah Kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan mendapat jawapan daripada Jawatankuasa Kecil Senate Amerika Syarikat.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, segala cara akan diikhtirakan oleh badan penyiasat untuk mendapatkan butir-butir yang diperlukan untuk membolehkan keterangan-keterangan yang lebih lanjut lagi diperolehi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, tarikh keputusan diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan siasatan ini, siapa yang bertanggungjawab menjalankan siasatan ini, adakah siasatan ini dijalankan di bawah Kementerian Pertahanan, N.B.I. atau oleh Yang Berhormat sendiri?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga terdapat di dalam soalan 24, jadi saya akan menjawabnya kemudian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi pertanyaan Nombor 15 dan 24 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).*

#### **BANK PERDAGANGAN/GEDUNG PERNIAGAAN—ROMPAKAN**

**15. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kepada kerap kalinya berlaku rompakan di bank-bank perdagangan dan gedung-gedung perniagaan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengetatkan lagi kawalan keselamatan supaya kejadian-kejadian rompakan ini dapat diatasi atau dikurangkan;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa rompakan-rompakan bersenjata yang sangat berleluasa sekarang ini telah menyebabkan kebimbangan di kalangan rakyat jelata terhadap keselamatan; jika ya, apakah cara yang berkesan untuk menghilangkan kebimbangan ini;
- (c) sebab-sebab mengapa apabila tiap-tiap kejadian berlaku pihak Polis lambat dapat mengetahuinya; samada terdapat satu sistem yang boleh menghubungi bank-bank terus dengan Polis sekiranya berlaku rompakan samada terdapat cara lain untuk mengatasi perkara ini samada sistem perhubungan cemas antara Polis dengan bank sekarang ini memuaskan; dan
- (d) daripada manakah senjata-senjata yang digunakan oleh perompak-perompak itu didapati.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

- (a) Bank-bank, syarikat-syarikat perniagaan dan kilang-kilang seperti jua macam orang ramai yang tinggal di rumah masing-masing adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan harta-benda sendiri dari kegiatan-kegiatan penjenayah dan apabila berlaku kejadian rompakan, samun atau curi pihak Polis akan segera berkejar untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sebaik sahaja diterima maklumat.
- (b) Perangkaan dalam bulan Januari dan Februari tahun ini berbanding dengan bulan Januari dan Februari tahun 1974 dan 1975 ada menunjukkan kekurangan kejadian-kejadian jenayah sebanyak 30%.
- (c) Kejadian-kejadian yang telah berlaku menunjukkan pihak Polis segera bertindak apabila mendapat maklumat atau pengaduan jenayah melalui beberapa kemudahan yang disediakan, seperti:
  - (i) Panggilan talipon melalui nombor 999.
  - (ii) Kereta Peronda Polis dalam rondaan sentiasa berhubung melalui wireless dengan Balai-balai Polis untuk dikejar ke tempat kejadian jenayah.
  - (iii) Sistem pertanda secara terus-menerus di antara bank-bank dan syarikat-syarikat perniagaan dengan Balai-balai Polis yang berhampiran.
- (d) Kebanyakan senjata-senjata yang dirampas oleh Polis dalam kes-kes rompakan dan samun adalah senjata yang diseludupkan ke negeri ini.

#### **TUDM—PEMBELIAN KAPALTERBANG F—5E**

**24. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) butir-butir bersabit dengan pembelian kapal-kapal terbang pejuang F-5E oleh Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia dari Syarikat Northrop;



- (b) samada Syarikat Bumiputra Sdn. Bhd. telah berunding pembelian kapal-kapal terbang pejuang tersebut bagi pihak Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia, jika ya, nyatakan perunding tersebut dibuat atas perintah siapa; dan
- (c) samada satu penyiasatan rasmi sedang atau akan dijalankan terhadap tuduhan iaitu ahli-ahli politik, pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia telah mendapat faedah dalam bentuk kewangan di dalam pembelian kapal-kapal terbang pejuang itu.

**Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn):**

- (a) Butir-butir yang dikehendaki ialah seperti berikut:
  - (i) 16 buah kapalterbang pejuang (14 buah kapalterbang jenis F-5E untuk keperluan operasi dan 2 buah kapalterbang jenis F-5B untuk keperluan latihan) telah dibeli daripada Syarikat Northrop melalui Kerajaan Amerika Syarikat;
  - (ii) pembelian dibuat melalui Kerajaan Amerika Syarikat di bawah Rancangan Foreign Military Sales. Perjanjian pembelian ditandatangani pada 30hb Jun, 1972 dan harganya ialah US\$39.24 juta;
  - (iii) kesemua kapalterbang-kapalterbang itu diterima di Pengkalan T.U.D.M. Butterworth pada bulan April dan Ogos, 1975;
- (b) Se jauhmana yang diketahui oleh Kementerian Pertahanan, Syarikat Bumiputra tidak terlibat langsung dalam pembelian kapalterbang jenis F-5E oleh Kerajaan Malaysia. Rundangan-rundangan berkaitan dengan pembelian kapalterbang jenis F-5E itu telah dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan serta wakil dari Perbendaharaan Malaysia terus dengan wakil-wakil Kerajaan Amerika Syarikat dan Syarikat Northrop;

- (c) Penyiasatan sedang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara.

**TUDM—PEMBELIAN KAPALTERBANG F-5E**

**25. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada, memandangkan kepada bukti-bukti dokumenteri yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Kecil Senate Amerika Syarikat oleh Koperasi-koperasi multi-national yang menunjukkan Kumpulan Aerospace Amerika Syarikat, Northrop, telah membiayai wang rasuah di Malaysia untuk menentukan supaya kumpulan tersebut mendapatkan kontrak untuk menjual kapal-kapal pejuang F-5E kepada Tentera Udara Di-Raja Malaysia, Kerajaan telah memulakan penyiasatan yang rapi ke atas perkara-perkara amalan salah yang berlaku dalam pembelian alat-alat tentera yang bernilai berjuta-juta ringgit itu sebagaimana yang didedahkan dan memberi satu kenyataan yang penuh tentang keadaan-keadaan yang menyebabkan pembelian kapal-kapal pejuang F-5E berkenaan daripada Northrop dan juga nyatakan langkah-langkah pencegahan yang telah diambil untuk menentukan supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berulang lagi.

**Datuk Hussein bin Onn:** Kerajaan pada tahun 1971/1972 telah bercadang untuk membeli pesawat pejuang jet yang berkeupayaan untuk mempertahankan ruang angkasa kita untuk menggantikan pesawat pejuang Sabre. Untuk tujuan ini beberapa jenis pesawat pejuang jet telah dikaji dengan mendalam dan akhirnya pesawat F-5E telah dipilih memandangkan kepada keupayaannya, harga belian dan kos mengurus yang murah dan kemudahan bantuan logistik yang boleh di perolehi. Kontrak untuk pembelian 16 buah pesawat (empat belas pesawat jenis F-5E untuk tujuan operasi dan dua pesawat jenis F-5Bs untuk tujuan latihan), kelengkapan-kelengkapan dan barang ganti berharga sebanyak US\$39.24 juta telah ditandatangani pada 30hb June 1972 antara Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Amerika Syarikat. Pembelian ini telah dilakukan secara kerajaan dengan kerajaan di bawah program Foreign Military Sales Kerajaan Amerika Syarikat. Kesemua kapalterbang yang ditempah itu diterima pada bulan April dan Ogos, 1975.

Semua pembelian-pembelian untuk Angkatan Tentera Malaysia adalah dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan dan Surat-surat

Pekeliling Perbendaharaan yang mengandungi syarat-syarat dan peraturan untuk mengelakkan berlakunya apa-apa amalan yang tidak di ingini.

### BIRO SIASATAN NEGARA—KUASA

**26. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan untuk meninggikan taraf dan kuasa Biro Siasatan Negara dengan memberi kepadanya kuasa yang penuh untuk mengambil sebarang tindakan terhadap orang-orang atasan yang terlibat dengan rasuah dengan tidak payah memperoleh kebenaran politik daripada mana-mana juga Menteri, Kabinet ataupun Perdana Menteri sendiri dengan membuat Biro tersebut sebagai satu suruhanjaya yang benar-benar bebas dan bertanggungjawab kepada Parlimen sahaja.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemudian saya sendiri telah menyatakan beberapa kali didalam Dewan ini, B.S.N., semenjak penubuhannya, menikmati taraf bebas dan mempunyai segala kuasa yang diberi kepada Polis dan Pegawai-pegawai Kastam didalam penyiasatan jenayah dan kesalahan-kesalahan yang tersebut di dalam Akta yang menubuhkan Biro itu. Untuk menjalankan tugasnya, B.S.N. dibantu oleh tiga orang pegawai undang-undang yang telah dipinjamkan kepadanya.

Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya telah mewakilkan segala kuasa yang perlu kepada Pengarah dan Pegawai Undang-undang Biro itu untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menerima rasuah dengan tidak mengira akan taraf sosial, politik atau kewangan mereka.

Ahli Yang Berhormat nampaknya salahfaham apabila beliau menyatakan bahawa pegawai-pegawai B.S.N. dikehendaki mendapat kelulusan politik daripada Kabinet, Perdana Menteri ataupun seorang Menteri sebelum mereka boleh menyiasat atau menuduh seseorang yang bertaraf tinggi dari segi sosial atau politik kerana rasuah. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, hanya Peguam Negara sahaja yang bertanggungjawab untuk mendakwa atau pun tidak mendakwa seseorang yang melakukan kesalahan dan oleh kerana sekarang ini B.S.N. adalah di bawah Menteri Undang-undang

dan Peguam Negara, Pengarahnya atau pun mana-mana pegawai B.S.N. bolehlah merujuk kepada saya atau pun kepada Peguamcara Negara untuk mendapat panduan dan nasihat mengenai undang-undang atau bukti sesuatu. Apa sahaja yang mereka buat, saya adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan dan Parlimen. Itulah sebabnya Lord High Chancellor Great Britain, Yang Berhormat Lord Elwyn-Jones semasa beliau memberi ceramah di Universiti Malaya dalam lawatan yang lalu ada menyatakan "Peguam Negara memakai dua topi; topi politik apabila ia di Kabinet atau bila ia menasihatkan Kerajaan dan memakai topi separuh kehakiman apabila ia menentukan samada atau tidak untuk memberi kuasa mendakwa kes jenayah yang di bawa kepadanya.

### BAHASA MALAYSIA—PENGUNAAN

**27. Tuan Azahari bin Md. Taib** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa pemakaian Bahasa Malaysia sekarang di negara ini tidak terkawal misalnya tiada terdapat kata-kata dalam Bahasa Malaysia atas papantanda-papantanda kebanyakan kedai-kedai; jalan bahawa dan ejaan yang salah terdapat pada papantanda-papantanda kedai, atas poster-poster, tiket-tiket, kenyataan-kenyataan dan lain-lain, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan dan sejauh manakah tindakan-tindakan ini telah diambil dalam perkara ini.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Sungguhpun Akta Bahasa Malaysia telah berjalan berkuatkuasa pada tahun 1967, dan memperuntukkan bahawa Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa rasmi di Kementerian-kementerian di Pejabat-pejabat dan juga di kalangan-kalangan yang berkehendakkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, tidak ada apa-apa peruntukan di dalam Akta tersebut yang berkehendakkan tindakan diambil supaya Bahasa Malaysia bagi kegunaan yang tidak rasmi di papantanda-papantanda, poster-poster dan sebagainya.

Walaupun begitu adalah dipersetujui bahawa banyak diantara beberapa kedai yang telah bertindak dengan sendirinya dan menggunakan Bahasa Malaysia di papan-tanda-papantanda dan sebagainya. Sungguhpun begitu oleh kerana kurang kemahiran dalam Bahasa Malaysia, beberapa kesalahan ejaan haruslah terdapat. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada pihak-pihak berkenaan

di negeri masing-masing mengambil tindakan yang sewajarnya supaya menjalankan pemarkaian Bahasa Malaysia di kedai-kedai dan juga membetulkan kesalahan ejaan dan senikata. Persatuan-persatuan perniagaan (Chambers of Commerce) patutlah juga mengambil peranan yang lebih aktif dan berkesan bagi memperbaiki penggunaan Bahasa Malaysia dalam lapangan iklan dan papan-papan tanda dan sebagainya.

### SEKIM GAJI PASUKAN POLIS

**28. Tuan Lee Boon Peng** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan melaksanakan kajian semula sekim gaji anggota Pasukan Polis berpangkat rendah, dan samada beliau sedar bahawa tiap-tiap seorang daripada mereka menerima pencen sebanyak \$77.00 dan \$30.00 elain sara hidup sebulan apabila mereka bersara.

**Perdana Menteri:** Kerajaan sedar bahawa anggota-anggota Pasukan Polis berpangkat rendah menerima gaji dan pencen yang rendah dan oleh sebab itu saya telah mengumumkan baru-baru ini bahawa Kerajaan akan mengkaji kedudukan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka itu. Kajian itu sedang dijalankan dan dalam usaha Kerajaan mengkajinya berbagai implikasi perlu juga diteliti. Hanya selepas kajian ini dilakukan barulah dapat Kerajaan mengumumkan keputusan sekim gaji baru itu.

### PERTUMBUHAN EKONOMI

**29. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan matlamat bilangan penduduk optimum pada akhir abad ini dengan memperhitungkan sumber-sumber alam negara kita serta kemajuan teknologi.

**Perdana Menteri:** Matlamat penduduk yang optimum bagi negara ini menjelang akhir abad yang ke 20 adalah sukar hendak dipastikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar akan perlunya untuk memastikan supaya pertumbuhan ekonomi tidak tergendala disebabkan satu perkembangan yang terlampau pesat dalam perkembangan penduduk.

Oleh yang demikian dasar Kerajaan sekarang yang berasaskan kepada beberapa pilihan, ialah untuk mencapai kadar perkembangan penduduk sebanyak 2% men-

jelang tahun 1985. Ini bermakna satu kadar perkembangan penduduk yang lebih rendah daripada kadar yang ada sekarang. Kerajaan percaya bahawa sekiranya matlamat ini dapat dicapai, terutamanya melalui perancangan keluarga, ia akan membawa kepada satu kemajuan yang pesat dalam kebajikan keluarga-keluarga, khasnya mereka yang berada di kawasan-kawasan luar bandar. Bagi mencapai matlamat ini Lembaga Perancang Keluarga Negara telah diberi keutamaan bagi memesatkan lagi usaha-usahanya untuk menggalakkan keluarga yang kecil di kalangan penduduk-penduduk negara.

### PANEL PAKAR-PAKAR PERUBATAN

**30. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang untuk menubuhkan sebuah panel yang akan mengandungi pakar-pakar perubatan untuk mengawal dan memberi nasihat atas kesihatan Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin yang memegang teraju Kerajaan dan negara supaya menjamin kepentingan awam.

**Perdana Menteri:** Perkara ini ada dalam perhatian dan pertimbangan Kerajaan.

### BIRO BANTUAN GUAMAN

**31. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Menteri Undang-undang telah menjejaskan nama baik peguam melalui sepucuk surat yang dialamatkan kepada Encik Mohd. Ibrahim bin Sulaiman pada 3hb Februari, 1975 dengan rujukan No. PN. 0.33/69/Vol. III, isi-isi kandungan surat ini adalah seperti berikut:

“Encik Mohd. Ibrahim bin Sulaiman,  
Kampung Batu Dua,  
Jalan Stesyen,  
Tapah,  
Perak.

Saudara,

Minta nasihat dan penjelasan apa yang patut dibuat

Pada menjawab surat saudara saya menyatakan iaitu saudara jangan melayan atau menerima nasihat dari orang tengah

(peguam) yang saudara sebutkan itu, kerana kebanyakannya ialah penipu dan bayaran gantirugi dan sakit itu terlampau kecil.

Malangnya sekarang Kerajaan belum lagi menjalankan Bantuan Guaman di Perak. Dari itu saya nasihatkan saudara pergi jumpa salah satu dari dua orang peguam yang saya kenal baik dan boleh menolong saudara iaitu Dato' Sheikh A. Rahman atau Dato' V. Jeyaratnam. Kedua-duanya ada di pejabat Cheong Lee & Ong, No. 13, Hale Street, Ipoh, Perak. Tunjukkan surat saya ini kepadanya dan khabarkan yang saya suruh saudara jumpa salah seorang daripadanya untuk menolong saudara menuntut gantirugi dari kemalangan itu.

Yang ikhlas,  
t.t.

TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR  
BIN YUSOF,

*Menteri Undang-undang dan Peguam  
Negara, Malaysia*

- (b) memandangkan perkara tersebut sama-sama Kerajaan menganggapnya sebagai pelayan "touting" dan samada beliau sesuai untuk memegang jawatannya sekarang ini.

**Perdana Menteri:** Dari surat Encik Mohd. Ibrahim bin Sulaiman yang diterima oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara adalah terang dan nyata seorang peguam di Perak telah menggunakan orang tengah (tout) untuk mendapatkan clientnya dan pula mengenakan bayaran commission 25% daripada jumlah gantirugi yang diperolehi. Perubatan dan amalan seorang Peguam seperti ini adalah salah dan bercanggah dengan tatatertib peguam. Peguam Negara menyatakan beliau ada pernah menerima surat-surat aduan daripada orang-orang lain juga yang menuntut gantirugi akibat dari kemalangan jalanraya.

Oleh sebab di Perak belum ditubuhkan lagi Biro Bantuan Guaman, maka Peguam Negara telah menyuruh Encik Mohd. Ibrahim berhubung dengan 2 orang Peguam yang beliau kenal dan ada penuh kepercayaan bagi menolong Encik Ibrahim. Bagi pengetahuan Yang Berhormat dengan pertolongan Peguam baru itu Encik Ibrahim telah mendapat gantirugi \$5,000 bukan \$1,250 yang dijanji oleh tout (orang tengah) dan peguam yang asal itu.

Perbuatan Peguam Negara itu adalah satu pertolongan kepada orang miskin yang lazim dibuat oleh beliau dan tidak menyalahi apa-apa undang-undang atau peraturan sebab beliau menolong bukan mengambil faedah.

Bagi menjawab soalan (b) pula, dengan keterangan yang di atas ini adalah jelas perbuatan Peguam Negara itu bukanlah "touting" tetapi sebagai menolong seorang yang miskin supaya tidak tertipu. Jawapan Peguam Negara itu menyatakan kebanyakan orang tengah peguam atau tout adalah penipu, bukannya peguam-peguam yang dituduhnya.

### PENAGIH DADAH

**32. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan penagih dadah dari kalangan pemuda-pemuda Melayu dan bukan Melayu setakat ini dengan memberikan angka-angkanya bagi tahun 1974 dan 1975; adakah benar terdapat sungutan mengatakan bahawa merebaknya penyalahgunaan dadah ini kerana pihak Kerajaan telah membesarkan beritanya lebih daripada sepatut.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Bilangan sebenar penagih-penagih dadah di Malaysia ini tiada diketahui oleh kerana belum ada lagi penyelidikan menyeluruh dibuat berkaitan dengan ini. Pusat Biro Narkotik sedang membuat peraturan bagi menyimpan Buku Daftar Penagih-penagih Dadah untuk mengetahui bukan sahaja bilangan penagih-penagih yang telah dirujukkan ke Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi juga untuk mengetahui butir-butir lanjut berkenaan seseorang penagih itu termasuklah bangsa dan jantina.

Angka-angka yang diperolehi pada masa ini adalah berpandukan kepada rekod-rekod yang disimpan oleh Jabatan-jabatan berkenaan seperti Polis, Penjara, Kebajikan Masyarakat dan Hospital-hospital.

Bilangan penagih-penagih yang telah mendapat rawatan di Hospital-hospital diseluruh Semenanjung Malaysia mengikut angka-angka yang disimpan oleh Kementerian Kesihatan ialah:

1974 ...	...	1,040 (semua bangsa)
1975 ...	...	(hingga Jun) 830 (semua bangsa)

Tiadalah benar bahawa merebaknya ketagihan dadah disebabkan kerajaan telah membesarkan berita-beritanya lebih daripada sepatutnya. Seseorang menjadi ketagihan disebabkan beberapa faktor diantaranya dorongan rakan-rakan, dadah senang diperolehi, masalah peribadi dan sebagainya.

Penerangan berkenaan masalah menyalahguna dadah dan akibat-akibat dari perbuatannya adalah perlu untuk menyedarkan masyarakat khasnya ibubapa dan guru-guru supaya mereka akan berjaga-jaga dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Jika penerangan ini tiada diberi, bakal-bakal penagih akan menerima penerangan daripada penagih-penagih bukan berkenaan bahaya tetapi keseronokan dari menyalahguna dadah. Sebaran ini lebih merbahaya oleh kerana maklumat sebenar apa yang akan jadi pada seseorang penyalahguna pada akhirnya tidak diberitahu.

#### **PERTUBUHAN AHLI-AHLI PARLIMEN ASEAN**

**33. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan hasil daripada sidang Kemuncak ASEAN samada Kerajaan Malaysia bercadang menganjurkan pertubuhan Ahli-ahli Parlimen ASEAN seperti Persatuan Parlimen Komenwel (Commonwealth Parliamentary Association).

**Perdana Menteri:** Langkah dan usaha untuk menubuhkan satu persatuan kerjasama di antara Ahli-ahli Parlimen negara anggota ASEAN telahpun diambil oleh Ahli-ahli Parlimen negara-negara ASEAN seperti Ahli Yang Berhormat masih ingat berikutan dengan persidangan pertama yang diadakan di Jakarta pada 8hb hingga 11hb Januari, 1975, yang lalu. Persidangan Kedua Ahli-ahli Parlimen negara-negara ASEAN telah dilangsungkan di Kuala Lumpur pada 20 hingga 23 Ogos, 1975 untuk membincang dan membentuk struktur pertubuhan dan perlembagaan Persatuan Parlimen ASEAN itu.

Kerajaan adalah menyokong dan menggalakkan penubuhan persatuan ini kerana ia akan mengukuhkan lagi perhubungan dan pertalian sahabat di antara rakyat negara negara ASEAN yang akan merapatkan lagi persahabatan dan perpaduan di antara satu sama lain.

#### **TUGU PERINGATAN NEGARA**

**34. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan membina sebuah Tugu Peringatan untuk memperingati patriot-patriot kita yang telah terkorban menentang askar-askar Jepun dalam perang Dunia Kedua. Jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Sebenarnya memang sudah ada sebuah Batu Peringatan yang telah dibina untuk memperingati perwira-perwira yang telah mengorbankan jiwa dalam Perang Dunia Pertama dan Kedua dahulu. Batu Peringatan tersebut terletak berhampiran dengan tempat Tugu Peringatan Negara di kawasan Kebun Bunga, Kuala Lumpur.

Oleh itu tidaklah perlu dibina sebuah Tugu Peringatan lagi seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### **MASJID/SURAU—PEMBINAAN BANGUNAN**

**35. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar kebanyakan kawasan luarbandar kekurangan masjid. Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membina lebih lagi masjid.

**Perdana Menteri:** Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menambahkan bangunan masjid atau surau di sesuatu kawasan itu menurut keperluan dan keutamaan oleh Jawatankuasa Pembangunan Negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan masjid dalam sesebuah kariah adalah tertakluk kepada kelulusan dan fatwa Mufti-mufti menerusi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri. Bagi kampung-kampung yang tidak mempunyai masjid adalah juga dibangunkan surau atau madrasah-madrasah.

Pada amalannya, orang-orang Islam bukan sahaja mengerjakan amal ibadatnya di masjid bahkan juga di surau-surau. Walaupun tidak semua kampung mempunyai masjid untuk berjemaah, tetapi hampir kesemuanya mempunyai surau bagi tempat beribadat.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) telah diluluskan pembinaan sebanyak 578 buah masjid di seluruh negara.

### PEMBEKUAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

**36. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan iaitu selepas peristiharan pembekuan jawatan oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dalam tahun 1975 yang lalu:

- (a) berapa banyak jawatan-jawatan yang terus-menerus kosong dengan tidak diisi sehingga akhir tahun 1975;
- (b) berapa banyak jawatan-jawatan yang dibeku dan selepas diminta kelulusan, baharu diisi;
- (c) jenis-jenis jawatan yang terlibat dengan pembekuan terus-menerus; dan
- (d) mengapakah arahan dan tindakan itu dikeluarkan.

#### Perdana Menteri:

- (a) Bilangan jawatan-jawatan kosong sehingga akhir tahun 1975 belum dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, kedudukan jawatan-jawatan kosong sehingga akhir bulan September, 1975 ialah sebanyak 24,134 jawatan.
- (b) Bilangan jawatan yang dibekukan dan selepas diminta kelulusan, baru diisi ialah 6,200 jawatan.
- (c) Semua jenis jawatan di jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun atau perbadanan-perbadanan awam adalah terlibat dalam pembekuan jawatan ini. Walau bagaimanapun, beberapa jenis jawatan adalah dikecualikan daripada pembekuan ini, iaitu seperti berikut:
  - (i) jawatan-jawatan professional seperti jawatan Pegawai Perubatan dan Jurutera yang disyarat berkhidmat dengan Kerajaan selama tempoh yang diwajibkan;
  - (ii) pelatih-pelatih anjuran Kerajaan yang telah tamat latihan mereka di pusat-pusat latihan;
  - (iii) jawatan-jawatan yang telah diluluskan iklannya sebelum pembekuan jawatan dikuatkuasakan;

(iv) jawatan-jawatan yang telah dikosongkan oleh sebab-sebab perletakan jawatan, persaraan, naik pangkat, pertukaran, kematian dan penguasaan kerja.

- (d) Arahan pembekuan jawatan ini dikeluarkan adalah dengan tujuan supaya usaha jimat cermat Kerajaan itu dapat dilaksanakan secara lebih berkesan lagi oleh agensi-agensi Kerajaan. Dalam perkara ini saya nyatakan bahawa sementara sahaja memandangkan kepada keadaan kesulitan kewangan negara pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengulangkaji perkara ini memandangkan kepada keadaan ekonomi negara dan keperluan tenaga untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

### YUNIT RUMAH MURAH

**37. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) berapakah yunit rumah-rumah murah yang telah didirikan dan sejauhmana pelaksanaan projek tersebut;
- (b) di kawasan-kawasan manakah projek ini telah dijalankan dan samada kemudahan-kemudahan seperti berikut disediakan bagi penduduk-penduduk:
  - (1) Balai Raya
  - (2) Klinik
  - (3) Padang permainan kanak-kanak
  - (4) Kemudahan perhubungan seperti pondok talipon dan teksi
  - (5) Pondok-pondok berteduh untuk orang ramai menunggu bas; dan
  - (6) Penempatan yunit kecil pasukan keselamatan atau polis dalam sesuatu kawasan tersebut untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduknya.

#### Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum):

- (a) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebanyak 12,125 yunit rumah murah telah disiapkan di Semenanjung Malaysia pada akhir Rancangan Malaysia Ke-

dua itu. Sebanyak 14,116 yunit rumah lagi yang telah dirancang atau dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua di beberapa Negeri sedang dibawa perlaksanaannya kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

- (b) Projek-projek Perumahan Murah yang telah dilaksanakan dan disiapkan itu telah saya sediakan tetapi oleh kerana ianya agak panjang dan jika dibaca satu persatu akan mengambil masa yang lanjut yang demikian biarlah saya menyatakan menurut Negeri-negeri sahaja:

Negeri	Bil. Projek	Bil. Yunit
1. Perlis ... ..	2	128
2. Kedah ... ..	5	439
3. Perak ... ..	7	884
4. Pulau Pinang ... ..	1	478
5. Trengganu ... ..	2	318
6. Pahang ... ..	11	3,712
7. Selangor ... ..	13	1,468
8. Bandaraya Kuala Lumpur	6	2,812
9. Negri Sembilan ... ..	3	200
10. Melaka ... ..	2	88
11. Johor ... ..	4	1,598

Mengenai kemudahan-kemudahan seperti yang disenaraikan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memaklumkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Penguasa-penguasa Tempatan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan itu. Oleh sebab cadangan asal mendapatkan projek-projek perumahan awam itu berpunca daripada kehendak-kehendak Kerajaan Negeri maka saya percaya bahawa Penguasa-penguasa Tempatan di peringkat Negeri telah pun memberi pertimbangan yang sewajarnya kemudahan-kemudahan yang diperlukan di Sekim-sekim Perumahan Kos Rendah itu. Namun demikian, saya akan memberi jawapan apabila butir-butir yang lebih lanjut dapat dikumpulkan dari Pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

#### HADIAH KERAJAAN KEPADA TUN HAJJAH RAHAH

38. Tuan Hashim bin Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan apakah hadiah dari Kerajaan kepada Tun Hajjah Rahah dan anak-anaknya sebagai mengenangkan jasa Allahyarham Perdana Menteri kita yang dicintai Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein.

**Perdana Menteri:** Kerajaan telah bersetuju memberi beberapa kemudahan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah dan anak-anaknya sebagai mengenang jasa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti berikut:

- (1) sebuah rumah Kerajaan di No. 6, Jalan Eaton, Kuala Lumpur dihadiahkan kepada Tun Hajjah Rahah,
- (2) dua orang kakitangan rumah (domestic servants),
- (3) sebuah kereta yang sama seperti yang diberi kepada Timbalan Menteri,
- (4) biasiswa Kerajaan kepada 3 orang anak-anak Allahyarham yang termuda sekali sehingga tamat pengajian masing-masing.

#### SETINGGAN WILAYAH PERSEKUTUAN—BANTUAN

39. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan memberi, bantuan kewangan sebanyak \$500 kepada tiap-tiap keluarga setinggalan yang diperintah pindah dalam kawasan Wilayah Persekutuan oleh Dewan Bandaraya terutamanya mereka yang disuruh pindah dua kali dalam masa pemindahan setinggalan untuk penempatan semula.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Arshad):** Jumlah setinggalan yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan ialah lebih kurang 200,000 orang yang menduduki lebih daripada 30,000 buah rumah. Bilangan ini bertambah dengan banyaknya boleh dikatakan tiap-tiap hari dan merupakan salah satu daripada masalah yang terbesar yang dihadapi oleh pentadbiran Dewan Bandaraya. Kebanyakan daripada setinggalan-setinggalan ini menduduki tanah-tanah Kerajaan dan dengan itu banyak projek-projek Dewan Bandaraya dan juga projek-projek Kerajaan tergendala, samada tidak dapat dijalankan langsung atau terpaksa mengambil masa yang lebih panjang untuk menyiapkan. Walau pun menjadi dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan termasuk menyediakan rumah-rumah murah untuk mereka yang berpendapatan rendah serta mengurangkan penderitaan penduduk-penduduk dari

golongan ini, Kerajaan terpaksa bersifat tegas mengawal supaya masalaah setinggan ini tidak akan bertambah besar hingga tidak terkawal seperti yang berlaku di bandaraya-bandaraya besar lainnya. Tindakan segera perlu diambil untuk mencegah bertambahnya rumah-rumah setinggan dan apa-apa tindakan Kerajaan hendaklah dirancang dengan teliti supaya tidak menggalakkan pada bertambahnya rumah-rumah setinggan.

Dasar Kerajaan sekarang ini ialah apabila sesuatu kawasan itu dikehendaki untuk projek-projek Kerajaan setinggan-setinggan akan dipindah ke rumah-rumah pangsa jika ada. Beberapa kemudahan diberi kepada setinggan-setinggan ini umpamanya:

- (1) Pengangkutan percuma untuk berpindah;
- (2) Pertolongan mengenai persekolahan anak-anak;
- (3) 3 bulan sewa percuma;
- (4) 21 bulan setengah sewa.

Kemudahan-kemudahan ini jika ditafsir dalam bentuk wang berjumlah \$567.

Masalaah besar yang dihadapi sekarang ialah tidak ada tanah kosong yang sesuai yang tidak diduduki oleh setinggan-setinggan untuk didirikan rumah-rumah pangsa. Sambil itu tidak ada juga rumah-rumah pangsa yang sedia ada untuk ditempatkan setinggan-setinggan tersebut. Oleh itu setinggan-setinggan yang ada terpaksa dipindahkan ke satu kawasan sementara supaya rumah-rumah pangsa itu didirikan dengan segera bagi menempatkan setinggan-setinggan ini dan juga setinggan-setinggan lain.

Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengadakan satu dasar yang tetap mengenai jumlah gantirugi kepada setinggan-setinggan oleh sebab dasar ini mungkin akan menjadi satu galakan kepada bertambahnya setinggan-setinggan yang berharap mendapat gantirugi daripada perbuatan tersebut. Selain daripada itu pembayaran gantirugi hendaklah ditetapkan mengikut keadaan segolongan setinggan-setinggan yang terlibat. Pada umumnya jumlah gantirugi itu hendaklah berdasarkan kepada:

- (1) Jangka masa setinggan itu telah tinggal di satu-satu kawasan,
- (2) Tempoh yang diberi untuk mereka berpindah.

- (3) Pendapatan serta keupayaannya. Jika seseorang setinggan yang berpendapatan rendah itu telah berpuluh-puluh tahun tinggal di satu-satu kawasan dan terpaksa dipindahkan di dalam masa yang singkat serta tidak pula mempunyai tempat kediaman lain, ia perlu diberi gantirugi yang agak lebih banyak dari seorang setinggan lain yang mempunyai pendapatan yang tinggi, dikehendaki berpindah dalam masa yang lebih panjang lagi serta berupaya mendapat tempat tinggal lain. Ada juga segolongan setinggan-setinggan yang baru sahaja menduduki tanah-tanah Kerajaan, yang berpendapatan tinggi atau pun yang telah menjalankan perniagaan dengan maju di atas tanah-tanah Kerajaan tanpa membayar apa-apa cukai pun yang mungkin tidak sepatutnya dibayar sebarang gantirugi.

## JALANRAYA JINJANG KE DESA JAYA

**40. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar bahawa Jalanraya Jinjang yang membawa terus ke persimpangan Desa Jaya amatlah sempit bagi kegunaan Lalulintas yang berasak-asak saban hari dan disamping itu apabila hari hujan lebat jalanraya itu akan menjadi bah dan jika ya, bilakah jalanraya ini akan diperlebar dan diperbaiki oleh kerana beliau selalu menyebut tentang perkara ini.

**Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Kementerian ini sedar akan keadaan jalanraya dari Jinjang ke Desa Jaya, Kepong tidak dapat memenohi kehendak lalulintas pada masa sekarang. Walaubagaimanapun tindakan sedang diambil untuk memperbaiki jalan tersebut. Pada masa ini sebuah perunding tempatan telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan kerja ukur yang mana sedang dijalankan sekarang.

## PERJANJIAN MALAYSIA DENGAN NEGARA KOMINIS

**41. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Malaysia bercadang hendak mengkaji semula perjanjian Malaysia dengan negara-negara kominis memandangkan kepada perubahan-perubahan yang terdapat di Asia Tenggara sekarang.



**Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Segala apa yang telah berlaku di Indo-China tidak mengubah corak hubungan kita dengan negara-negara kominis. Hubungan kita dengan negara-negara kominis yang berkembang dari dasar kita yang berkecuali dan terbaik-baik dengan semua negara, adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip saling menghormati kedaulatan dan keutuhan negara masing-masing, tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing, dan hidup bersama dengan tidak mengirakan ideologi dan sistem sosial. Perseutujuan kita menubuhkan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan baru di negara-negara Indo-China adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang sama.

### PEMBORONG BUMIPUTRA YANG BERDAFTAR

**42. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) bilangan pemborong-pemborong bumiputra yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya menurut kelas A, B, C, D, E, F.
- (b) nilai konterek atau tender J.K.R. (Jabatan Kerja Raya) yang diusahakan oleh bumiputra dalam tahun-tahun 1974 dan 1975; dan
- (c) kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh pemborong-pemborong bumiputra dalam segi kerja yang dibuat.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:**

- (a) Bilangan pemborong-pemborong Bumiputra yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya menurut kelas, mengikut angka pada 29hb Feb., 1976 adalah seperti berikut:

Kelas	Bilangan
A ... ..	21
B ... ..	23
BX ... ..	26
C ... ..	75
D ... ..	194
E ... ..	292
EX ... ..	515
F ... ..	3,547
JUMLAH ...	4,693

- (b) Kerja-kerja binaan yang diusahakan oleh Jabatan Kerja Raya yang dijalankan oleh Pemborong Bumiputra dalam tahun 1974 adalah bernilai \$210,375,250 iaitu lebih kurang 39% daripada nilai keseluruhan sebanyak \$534,271,340. Angka bagi tahun 1975 sedang disiapkan sekarang.
- (c) Kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh pemborong Bumiputra dapat dilihat daripada beberapa angka-angka yang telah dikumpulkan sehingga kini. Sebelum dilaksanakan dasar 30%, nilai kerja yang dijalankan oleh pemborong Bumiputra adalah purata lebih kurang 20% daripada nilai keseluruhan tiap-tiap tahun. Dalam tahun 1972 misalnya daripada nilai keseluruhan sebanyak \$214,290,472 hanya \$46,528,829 adalah dipegang oleh pemborong-pemborong Bumiputra ataupun 21%.

Dalam tahun 1973, iaitu tahun bermulanya dilaksanakan dasar 30% oleh J.K.R. kedudukan tersebut telah meningkat kepada 35% iaitu sebanyak \$132,904,60 berbanding dengan nilai keseluruhan sebanyak \$375,492,402. Dalam tahun 1974 pula, sepertimana yang telah dijelaskan di atas, peratus nilai kerja yang dijalankan oleh pemborong Bumiputra telah meningkat kepada 39%. Ini menunjukkan bahawa pemborong-pemborong Bumiputra telah memperlihatkan kegiatan yang menggalakan dalam bidang kerja pembinaan.

Selain dari itu, dapat dilihat bahawa bilangan pemborong-pemborong bumiputra yang memasuki tawaran bagi kerja-kerja yang ditawarkan secara bebas telah bertambah dari masa kesemasa dan ramai pula daripada mereka berjaya mendapat tawaran tersebut. Ini menunjukkan pemborong-pemborong Bumiputra telah sedikit demi sedikit memperlihatkan kemajuan sehingga dapat menandingi pemborong-pemborong bukan Bumiputra dalam tawaran bebas.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kebankrapan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri

Undang-undang dan Peguam Negara dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN**

#### **MINYAK KELAPASAWIT (PERBADANAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit untuk memperbaiki dan menjalankan dengan sepatutnya industri pengeluaran minyak kelapasawit, dan membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan Lembaga dan industri itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

#### **RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), 1952, Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 dan Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN EKSPOT GETAH (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang mengenai eksais dalam Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan

Menteri Kewangan dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1975)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1975 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berkenaan dengan cap dagangan dan untuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN (KELAYAKAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PETROLIAM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Petroliam (Cukai Pendapatan), 1967 mengikut Akta Kemajuan Petroliam, 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan di baca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL-USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kecau-bilau di jalan-jalan menuju ke arah Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke arah Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

## UCAPAN TAHNIAH KEPADA D.Y.M.M. ATAS PERLANTIKANNYA—IKRAR TAAT SETIA

3.52 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat sukacita dan bangganya mengemukakan usul, bagi pihak Kerajaan dan bagi pihak Dewan ini, iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong—

Mempersembahkan suatu ucapan se-tinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli atas lantikan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong;

Melafazkan ikrar taat setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan lantikan Baginda itu Malaysia akan menempoh zaman yang bertambah-tambah makmur, aman sentosa selamalamanya.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia pada 28hb Februari yang lalu telah merayakan istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Keenam. Rakyat dan negara berasa sangat bertuah kerana mempunyai seorang Raja dari Negeri Kelantan Darulnaim yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji serta pengetahuan yang mendalam dan pengalaman luas dalam bidang pentadbiran negara dan sentiasa mengambil berat di atas kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Pertabalan Seri Paduka Baginda merupakan satu lagi detik peristiwa yang bersejarah kepada Negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi dan pemerintahan beraja yang menjadi suatu tradisi kepada negara ini.

Perlantikan Yang di-Pertuan Agong lima tahun sekali memberikan peluang kepada Raja Pemerintah bagi Negara untuk berkhidmat sebagai Ketua Negara. Sistem perlantikan seumpama ini juga menjamin pemerintahan negara yang stabil dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda lebih bererti lagi kerana berlaku pada masa

negara sedang menuju zaman pembangunan yang lebih cemerlang. Walaupun dalam proses ini negara terpaksa menghadapi rintangan akibat dari ancaman pengganas Kominis tetapi ini tidak akan membantut usaha-usaha pembangunan yang terus berjalan dengan lancar. Kerajaan berazam untuk bertindak tegas dan mengambil segala langkah bagi menghapuskan kegiatan pengganas Komunis dan anasir-anasir subversif. Kerjasama rakyat dalam usaha Kerajaan ini sangatlah dikehendaki.

Dalam masa pemerintahan Seri Paduka Baginda juga, Kerajaan akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga sebagai lanjutan kepada Rancangan Malaysia Kedua yang akan memberi tumpuan yang lebih kepada langkah memberi penghidupan yang lebih sempurna kepada rakyat terutama di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Di bidang antarabangsa, sambil meluaskan bidang persahabatan dengan negara-negara baru yang ingin bersahabat, kita juga akan memperkukuhkan ASEAN dan meneruskan usaha mengekalkan keamanan di rantau Tenggara Asia dengan mewujudkan rantau ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Saya yakin negara Malaysia mempunyai masa hadapan yang cerah dan dengan keadaan ekonomi dunia yang bertambah baik dalam masa pemerintahan Seri Paduka Baginda, kita berharap dapat mengatasi beberapa masaalah khasnya dalam bidang ekonomi dan kewangan yang kita hadapi sekarang ini. Perpaduan rakyat juga amatlah mustahak. Oleh itu, rakyat dari semua golongan dan lapisan hendaklah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagai lambang perpaduan rakyat dan puncak keadilan. Saya juga percaya dengan minat dan perhatian berat Seri Paduka Baginda terhadap kesejahteraan seluruh rakyat, maka Kerajaan dan rakyat akan mendapat perangsang yang kuat untuk berusaha sepenuhnya bagi mewujudkan satu masyarakat yang adil, makmur dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan dan Dewan ini, saya dengan perasaan penuh khusuk dan tawaduk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim

di atas perlantikan Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Keenam. Saya juga, bagi pihak Kerajaan dan Dewan ini, menyembahkan ikrar taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan yakin, dengan izin Allah s.w.t. Malaysia akan terus maju, makmur dan bersatu padu, dalam tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda selama lima tahun yang akan datang. Saya juga berdoa semoga Allah s.w.t. melimpahkan taufik dan hidayahnya Kebawah Seri Paduka Baginda selamat sejahtera bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Malaysia dengan penuh daulat dan kebesaran juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.01 ptg.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Keenam oleh Majlis Raja-raja telah disambut dengan gembira dan ucapan tahniah oleh semua rakyat Baginda. Dengan kebijaksanaannya Majlis Raja-raja telah membuat satu pilihan yang paling sesuai sekali oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah terkenal dengan cintanya kepada rakyat serta pandangannya yang berat terhadap keamanan dan keselamatan negara. Kita percaya bahawa pemilihannya bersama-sama dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Tuanku Haji Ahmad Shah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong akan memberikan darjat yang lebih tinggi kepada jawatan yang disandangnya serta menekankan kepentingan peranan pemerintahan beraja di dalam hal ehwal negara.

Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan beraja memainkan peranan yang paling penting dalam Perlembagaan kita dan di dalam konteks Rukunegara. Ia melambangkan kedaulatan negara dan darjat rakyat kita. Ini adalah satu asas di mana letaknya identity kita yang sama dan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menegaskan sekali lagi betapa tingginya pandangan kita terhadap pemerintahan beraja

sebagai suatu institusi pusat yang penting dalam kehidupan negara kita. Seri Paduka Baginda mula memegang jawatannya semasa negara berada di persimpangan jalan dalam sejarahnya. Kemaraan kita dalam mencapai keamanan dan kemajuan sedang digugat oleh berbagai-bagai anasir yang hendak merosakkan jalinan moral rakyat kita serta melemahkan semangat negara kita tetapi terdapat juga ancaman di kalangan kita yang membahayakan sistem demokrasi berparlimen dan menggantikannya dengan suatu ideologi yang berasaskan kepada kekejaman dan paksaan (violence and authoritarianism). Ada juga anasir-anasir yang bersedia untuk meruntuhkan perpaduan rakyat kita dengan menggunakan sentimen-sentimen yang melampau. Kita juga sedar bahawa ada juga golongan yang tidak sabar dan enggan bertolak-ansur dengan kehidupan yang penuh dengan berbagai-bagai masalah dan perkara yang sensitif di dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai keyakinan bahawa di dalam pemerintahan Seri Paduka Baginda kita akan menyaksikan keutuhan institusi masyarakat kita yang demokratik dan liberal bagi menghadapi cabaran-cabaran ini. Ancaman yang kita hadapi bukanlah dari luar malahan adalah dari dalam dan jika kita gagal untuk menyekat mereka bermakna kita sendiri tidak mempunyai keupayaan dan semangat politik untuk memikirkan sesuatu yang baik bagi kepentingan negara kita. Kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkelibar serta berpandangan jauh dan berikrar untuk membina satu masyarakat yang adil dan maju dan mengakui bahawa masyarakat kita yang berbilang bangsa sebagai satu faedah dan bukannya tanggungan di dalam pembangunan negara.

Sekali lagi kami rakyat yang terdiri dari berbilang bangsa, agama dan keturunan, melafaskan ikrar taat setia kami kepada Kebawah Duli Seri Paduka Baginda semuga Kebawah Duli akan menempuh zaman pemerintahan yang bertambah makmur dan sentosa.

4.07 ptg.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama menyokong dan mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim atas lantikan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Saya berasa amat sukacita atas perlantikan Kebawah Duli Tuanku menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong sambil mengharapkan bahawa di bawah pemerintahan Kebawah Duli Tuanku negara kita akan menjadi bertambah-tambah makmur, aman dan sentosa. Saya percaya bahawa dengan Kebijaksanaan dan pengalaman Tuanku yang amat luas itu maka pemerintahan Kebawah Duli Tuanku itu akan disanjung tinggi oleh rakyat jelata. Di zaman pemerintahan Kebawah Duli Tuanku negara akan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan ini akan melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan dari segi ekonomi, perdagangan, perusahaan dan sosial untuk faedah rakyat daripada semua kaum.

Kerajaan Kebawah Duli Tuanku akan melaksanakan segala projek pembangunan ini dengan adil, saksama dan dengan kerjasama rakyat yang berbilang kaum dalam negara ini. Rancangan Malaysia Kedua baru sahaja berakhir dan saya berpendapat bahawa rakyat jelata akan menikmati hasil kejayaan Rancangan Malaysia Kedua ini dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli iaitu pada masa Kerajaan giat melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi rakyat Malaysia Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah merupakan satu cabaran bagi kita semua berusaha lebih tekun lagi untuk mencapai kejayaan dalam semua bidang. Saya percaya bahawa di bawah pimpinan Kebawah Duli Tuanku maka keselamatan dalam negeri ini akan lebih terjamin dan rakyat akan bersatu-padu menentang musuh. Perpaduan rakyat adalah merupakan keselamatan negara. Prinsip hidup bersatu-padu ini akan membawa negara kita keambang kejayaan bukan sahaja dari segi menentang musuh tetapi juga dari segi ekonomi, perdagangan dan perusahaan. Saya juga mengucapkan setinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang atas lantikannya menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Akhirnya, saya berdoa agar negara ini akan sentiasa aman dan makmur di dalam zaman pemerintahan Tuanku. Saya juga

berdoa agar Tuhan melanjutkan usia serta memberkati pemerintahan Kebawah Duli Tuanku.

4.12 ptg.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish to take this opportunity to express the gratitude of the people of the State of Sarawak to His Majesty and the Federal Government for the proposal to increase financial assistance to the less developed States because Sarawak is one of those less developed States. We are informed that the new formula for the increase in financial assistance has been worked out . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan hendak menyembahkan satu ucapan tahniah Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Belum sampai masa lagi.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze:** I beg your pardon, Sir.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila duduk.

4.13 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas lantikan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong yang Kenam. Saya dan saudara-saudara saya berharap dan berdoa agar di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang lebih aman, lebih progressive dan lebih bersatu-padu.

4.14 ptg.

**Dr Tan Chee Khoo (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong sepenuh-penuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya dan parti saya iaitu Parti Keadilan Masyarakat Malaysia berharap di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan atau negara kita akan mencapai kemajuan yang lebih baik dan cemerlang dan kita akan mencapai kemakmuran, keamanan yang cemerlang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong.

Mempersembahkan suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli atas lantikan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Melafazkan ikrar taat setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan lantikan Baginda itu Malaysia akan menempuh zaman yang bertambah-tambah makmur, aman sentosa selama-lamanya.

4.15 ptg.

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak penyokong-penyokong Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan usul yang berikut:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun

mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat."

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan usul ini dan saya anggap ini ialah satu penghormatan bukan sahaja bagi diri saya sendiri, tetapi juga bagi Kawasan Parlimen yang saya wakili. Sebelum saya panjangkan ucapan saya elok juga kita renung kembali peristiwa-peristiwa suka dan duka yang telah berlaku pada tahun 1975 dan sehingga sekarang. Peristiwa-peristiwa suka dan duka ini sungguhpun banyak tetapi saya cuba seberapa yang boleh untuk menyingkatkan dan mengurangkan masa. Sungguhpun seluruh dunia mengalami tekanan teruk inflasi tetapi bagi negara kita tekanan inflasi dapat dikurangkan hasil daripada beberapa tindakan Kerajaan yang bijak. Harga getah dapat distabilkan. Tahniah kepada Menteri yang berkenaan. Harga bijih timah meningkat paras \$1,000 satu pikul. Kekuatan matawang kita tidak terjejas. Lain-lain peristiwa penting ialah perampasan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur oleh J.R.A. yang mencemaskan seluruh negara tetapi oleh sebab sikap yang tegas dan wajar yang diambil oleh Kerajaan khususnya kebijaksanaan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, peristiwa yang cemas dan yang amat menakutkan itu tamat dengan kejayaan dengan tidak kehilangan nyawa dan harta-benda. Kejayaan Menteri pelajaran dengan sikapnya yang tegas dapat mematahkan usaha-usaha anasir-anasir jahat untuk menimbulkan huru-hara di Instituti Teknologi MARA. Kejayaan yang tercapai di Persidangan Ketua-ketua Negara ASEAN di Bali juga membuktikan kemampuan pemimpin-pemimpin negara kita berpolitik antarabangsa. Tahniah dan syabas kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Banyak lagi peristiwa-peristiwa penting dan kejayaan-kejayaan yang negara kita telah capai yang saya tidak dapat sebut di sini kerana akan mengambil masa yang panjang.

Peristiwa duka yang teramat sangat yang tidak dapat dilupakan oleh seluruh rakyat Malaysia ialah di atas kehilangan anak watan, satria bangsa dan negara iaitu bapak pembangunan kita Allahyarham Tun Haji

Abdul Razak. Jasa Allahyarham kepada bangsa dan negara tidak dapat dinilai. Dasar Ekonomi Baru ialah ciptaan Allahyarham sendiri. Tetapi malangnya Allahyarham tidak sempat melihat hasil dan kejayaannya yang sepenuhnya. Memang sudah menjadi resam dunia: pemimpin datang, pemimpin pergi. Patah tumbuh hilang berganti, tetapi kita di Malaysia patut bersyukur ke hadrat Illahi kerana peralihan kuasa telah berjalan dengan licin dan sempurna. Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sudahpun berjanji yang beliau akan menyambung usaha yang telah dijalankan oleh Allahyarham. Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri juga ialah seorang yang jujur, tegas dan berdisiplin. Walau bagaimanapun, saya harap dan berdoa semoga beliau sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan dalam iman dan dapat menjalankan tugas beliau dengan adil dan saya berdoa juga supaya syaitan dan iblis susah hendak mempengaruhi beliau sungguhpun kadang-kadang syaitan dan iblis menjelma dalam berbagai-bagai rupa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan projek-projek untuk matlamat yang dituju dan menghadapi dan mengatasi masalah yang mungkin timbul Kerajaan melalui Menteri-menteri dan pegawai-pegawai elok janganlah hendaknya bersikap sombong dan angkuh. Teguran dan pendapat rakyat melalui Wakil-wakil Rakyat mestilah diterima dengan baik dan jujur kerana teguran-teguran dan pendapat-pendapat ini diberi dengan ikhlas. Misalnya, apabila kita hendak menggubalkan undang-undang mestilah dibincangkan dan diteliti dahulu, mestilah mendapat pendapat-pendapat dari segala pihak yang ada berkaitan, yang ahli dalam sesuatu perkara hendaklah didapati. Misalnya, apabila hendak menggubal undang-undang yang berkaitan apatah lagi dengan perinsip-perinsip kemanusiaan, berkenaan dengan kebebasan, maka sangatlah mustahak pendapat seperti Majlis Peguam diambil, janganlah disangka bahawa cuma bagi pihak Kerajaan sahaja yang mengetahui hal-hal ini mungkin daripada Majlis Peguam inilah kita dapati mereka yang penuh pengalaman, yang faham benar-benar daripada segi undang-undang. Jadi saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan apabila hendak menggubalkan

undang-undang janganlah dengan tergesa-gesa mendapat ilham untuk menjadikan sesuatu perkara dijadikan rang undang-undang untuk kita bincangkan di sini.

Baru-baru ini boleh dikatakan Majlis Peguam di seluruh Malaysia membangkang dan menyeru Menteri yang berkenaan supaya berbincang dahulu, ambil pendapat, kerana pendapat-pendapat inilah yang boleh dikatakan bernas bukan pendapat dua tiga orang pegawai dalam Kementerian yang berkenaan sahaja. Menteri-menteri Kabinet juga patut menjaga image masing-masing. Mungkin di tiap-tiap satu profession ada dua tiga orang ahli yang tidak betul-betul jujur yang tidak beramanah, tetapi bukanlah ini bermaksud yang semua atau kebanyakan ahli dalam profession-profession itu tidak beramanah. Janganlah Menteri-menteri Kabinet membuat tuduhan yang keterlaluan. Misalnya, sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab, pada fikiran saya membuat tuduhan-tuduhan seperti berikut, saya bacakan:

“Pada menjawab surat saudara saya menyatakan iaitu saudara jangan melayan atau menerima nasihat dari orang tengah (peguam) yang saudara sebutkan itu, kerana kebanyakannya ialah penipu dan bayaran gantirugi dan sakit itu terlampau kecil”.

..... Dari itu saya nasihatkan saudara pergi jumpa salah satu dari dua orang peguam yang saya kenal baik dan boleh menolong saudara iaitu Dato’ si anu si anu .....

Ini bukan sikap seorang Menteri untuk mencaci satu profession yang disanjung tinggi oleh Kerajaan. Banyak di antara kita dalam Dewan yang mulia ini yang sekarang sudah menjadi Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, adakah boleh dikatakan bahawa semua mereka ini penipu? Pada diri saya sendiri, saya berasa sangat kesal dan saya ingin dirakamkan di dalam Dewan yang mulia ini perasaan dukacita di atas sikap seorang Menteri Kerajaan merendahkan diri sehingga menjatuhkan imajennya sendiri dan mungkin kita boleh anggap pada orang biasa ini adalah “touting” iaitu apabila hendak mencari case, kita recommend pergi pada peguam ini, pergi pada peguam itu, sebab peguam ini dia bagus, yang lain jangan pergi. Ini dalam bahasa kasar “touting”, apabila “touting” dijalankan oleh seorang Menteri, ini amat

mendukacitakan apatah lagi apabila ditulis dan ditandatangani sebagai sifatnya seorang Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penempatan pegawai-pegawai dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, pada fikiran saya eloklah pegawai-pegawai ini ditempatkan dalam Jabatan-jabatan yang mereka mahir atau pakar, barulah jentera Kerajaan dapat berjalan dengan licinnya. Misalnya, kalau seorang pegawai tinggi itu dia cuma faham dalam segi sukan dan olahraga, janganlah ditempatkan dia sebagai Brigade Commander, Pasukan Polis Hutan. Sebab memukul bola hockey lain daripada memukul musuh, jadi inilah yang saya minta sangat-sangat supaya kepada Kementerian yang berkenaan apabila hendak menempatkan pegawai, tempatkanlah di tempat-tempat yang pegawai itu boleh menjalankan tugasnya dengan sempurna. Mungkin dia sudah berpangkat tinggi, tetapi carilah tugas yang sesuai untuknya. Kalau tidak, timbullah peristiwa yang baru-baru ini yang kita dengar dalam surat khabar sehingga dalam ibu kota sendiri pengganaspengganas atau anasir-anasir jahat dapat menyerang atau melanggar Kem Pasukan Polis Hutan—inilah hasilnya.

Satu perkara yang amat mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada dengar dalam surat khabar bahawa beberapa orang awam telah dibunuh semasa menjalankan tugas menghantar bekalan-bekalan kepada Pasukan-pasukan Keselamatan kita dalam hutan. Saya hairan apakah sebab mereka ini (orang awam) digunakan untuk menjalankan tugas sebegitu bahaya. Sebagai seorang bekas Pasukan Keselamatan juga dan sebagai seorang yang biasa berkhidmat dalam kubu-kubu dalam hutan, saya hairan, sebab pada masa saya dahulu, tugas-tugas ini diberi kepada Pasukan Keselamatan sendiri tetapi rupa-rupanya sekarang orang awam pula ditugaskan untuk menjalankan tugas-tugas ini.

Apabila seorang Pasukan Keselamatan samada polis ataupun askar terbunuh dalam pertempuran, ini satu kemalangan, tetapi apabila seorang pereman, seorang awam terkorban, ini amatlah mendukacita dan nilai nyawa tidak boleh diperhitungkan dengan memberi wang gantirugi. Kalau Pasukan Keselamatan terkorban, ini sudah menjadi lazimnya kita bertugas dengan senjata, kita mati dengan senjata. Tetapi perkataan ini tidak boleh ditujukan kepada



seorang pereman, seorang awam dan apa yang saya hairan mengapakah bekalan-bekalan ini dihantar melalui sungai? Apakah tidak dapat digunakan kapalterbang-kapalterbang helikopter yang ada kepada Tentera Udara di Raja kita. Mungkin inilah hasil daripada teguran yang telah dibuat yang tidak diterima oleh Menteri yang berkenaan.

Dalam Dewan yang mulia ini juga pada masa yang sudah saya telah membangkitkan mengapakah hendak membazirkan wang ber-puluh-puluh juta ringgit untuk membeli kapalterbang supersonic jet pada hal kapalterbang ini cuma digunakan untuk mengedat sasaran-sasaran di Bukit Asahan. Kalaulah Menteri yang berkenaan berfikir panjang, mungkin daripada jumlah wang itu dapat dibeli helikopter-helikopter untuk menghantar bekalan-bekalan kepada pasukan-pasukan kita dalam hutan, mungkin nyawa mereka yang terkorban baharu-baharu ini tidak berlaku. Inilah satu perkara yang amat menyedihkan apabila teguran yang diberi dengan ikhlas dalam Dewan yang mulia ini senang-senang sahaja disingkirkan. Adakah ini bermakna cuma penasihat-penasihat yang di belakang sana sahaja yang pandai? Mungkin banyak di antara kita di Dewan yang mulia ini juga ada pengalaman, ada pengetahuan yang boleh diterima, tetapi malangnya semua ini dijawab sebagai perbudak-budakan sahaja.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, sudah berbangkit dalam Dewan yang mulia ini samada oleh pihak penyokong Kerajaan ataupun oleh pihak Pembangkang iaitu berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Tujuannya elok iaitu untuk memberi pertolongan, memberi kesenangan kepada pekerja-pekerja apabila mereka tua. Ini kita akui, tetapi sudah banyak kali dalam Dewan yang mulia ini keburukan telah timbul dan banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini telah meminta, menyeru, merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya melonggarkan syarat-syarat pengeluaran. Mula-mula memang kita semua gembira adanya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kerana inilah sebagai Robinhood moden, tetapi malangnya Robinhood moden yang kita harap-harapkan itu telah bertukar menjadi Sheriff of Nottingham. Kutipan daripada pekerja-pekerja digunakan wang itu untuk melaburkan di projek-projek lain sehingga pekerja-pekerja yang berkenaan itu

apabila sampai umur 40 atau 45 tahun merayu: "Tolong tuan, kalau boleh keluar wang saya beri suku % pun tidak apa, suku pun boleh, kalau duit ini keluar, sebab saya perlukan wang ini." Tetapi dukacita juga semua rayuan ini, semua desakan ini ditolak oleh sebab penasihat-penasihat yang ada di belakang sana yang memberi nasihat supaya jangan, mesti tunggu cukup umur. Kalau perkara ini baik, tak logik, mengapa si hamba Allah ini susah payah sampai hendak beri suku kepada seorang yang boleh kira supaya duit itu dapat dikeluarkan. Kita, Tuan Yang di-Pertua, di negara Malaysia dan juga di negara Timur ini jarang sekali dapat hidup sehingga 80 tahun. Kalau umur panjang setakat 60 tahun pun alhamdulillah, tetapi kalau cuma umur 55 tahun baharu boleh mengeluarkan wang ini bilakah kita hendak dapat peluang menikmati hasil daripada ber-puluh-puluh tahun simpanan. Siapa lagi hendak gunakan, anak-anak pun ketika itu sudah besar, kita cuma hidup 5 tahun selepas itu, itupun kalau diberkati Tuhan. Inilah perkara yang amat mendukacitakan sehingga pendapat-pendapat samada daripada pihak Pembangkang, pihak penyokong Kerajaan tidak diterima langsung, sekurangnya ditimbang dahulu, kemudian reject.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai masalah di Pulau Pinang. Masalah Pulau Pinang di mana saya, seorang daripada wakil rakyat di situ lain daripada yang lain. Sikap keadilan mestilah lahir daripada pihak Kerajaan Negeri dan juga pegawai-pegawainya, sebab sekarang bukan macam dahulu. Sekarang kita ada Kerajaan Barisan Nasional bukan Kerajaan PAS, atau bukan Kerajaan Gerakan. Jadi mestilah ada sikap keadilan sedikit. Mestilah menjalankan projek-projek supaya nikmat dan pemberian sama rata dan dapat, kalau tidak sama rata pun sama-sama dapat rasa. Kalau tidak dapat rasa sekalipun janganlah merugikan. Saya yang membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab ada projek-projek yang dijalankan bukan sahaja tidak memberi keuntungan kepada rakyat bumiputra tetapi sebaliknya mendatangkan kerugian. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat susah hendak berfikir atau hendak faham bahawa keadaan ini sedang berlaku tetapi saya katakan di Dewan yang mulia ini, memang berlaku sehingga memberi kesusahan yang amat sangat bagi

masyarakat luar bandar terutama sekali. Mereka tidak memerlukan skating ring, mereka tidak memerlukan kolam mandi, mereka tidak memerlukan supermarket, mini-market dan sebagainya. Mereka cuma memerlukan keperluan asas (basic needs)—air, lampu, jalan dan rumah yang sempurna untuk tinggal, tetapi jangan kata hendak dapatkan ini, keadaan yang ada sendiri pada ketika itupun diburuk-burukkan lagi. Misalnya, apabila Kerajaan atau peringkat Penguat Hasil Tanah hendak mengeluarkan permit mengambil tanah-tanah merah mestilah disyaratkan supaya rumah-rumah di sekeliling situ tidak terjejas dengan habuk-habuk tanah merah. Ini perkara yang kecil sahaja, bukan perkara yang besar, yang dapat diatasi, yang dapat dilaksanakan. Tetapi malangnya apabila permit diberi kepada Boon Siew, seluruh kampung sudah bertukar warna sehingga kelambu sendiri sudah bertukar menjadi merah, sehingga dalam masjid sendiri sudah bertukar menjadi merah. Adakah ini bermakna bahawa Kerajaan begitu lemah sehingga tidak dapat mengatasi masalah yang begitu kecil? Mula-mulanya keadaan suasana di masyarakat kampung aman, baunya nyaman tetapi malangnya dibuka pula kilang baja ikan, mulalah seluruh kampung berbau busuk. Ini bukan didirikan dengan sewenang-wenangnya, mesti ada kelulusan dan permit daripada Jabatan-jabatan yang tertentu, daripada Jabatan-jabatan yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan, dan bukan dengan sewenang-wenangnya kilang-kilang ini boleh didirikan dalam kampung. Mesti ada satu-satu Jabatan yang meluluskannya, mengapakah Jabatan ini tidak siasat dahulu sehingga sekarang menimbulkan satu suasana yang tidak sihat yang mungkin kalau Kerajaan tidak mampu mengatasi masalah ini masyarakat sendiri akan mengambil tindakan. Tetapi sebagai Wakil Rakyat kita cuba seberapa boleh untuk mengelakkan supaya jangan beri orang-orang kampung yang tidak suka bergaduh jadi desperate, sebab kalau seseorang itu desperate tindakannya juga desperate.

Begitu juga sungai-sungai yang di masa dahulu boleh orang-orang kampung menangkap ikan, tetapi sekarang sudah menjadi busuk kerana industrial wastes daripada kilang-kilang sagu, kilang-kilang getah telah mencemarkan sungai-sungai ini. Kilang-kilang ini juga didirikan dengan kelulusan

Jabatan-jabatan yang berkenaan. Adakah ini bermakna bahawa Jabatan-jabatan ini tidak berkemampuan untuk mengambil tindakan terhadap mereka ini? Begitu juga najis hasil daripada pemeliharaan babi sudah mencemarkan bendang-bendang kawasan Melayu. Sungguhpun ini satu perkara yang sensitive, tetapi Kerajaan juga gagal atau tidak berkemampuan untuk mengambil tindakan. Inilah yang amat mendukacitakan bagi kami penduduk-penduduk di luar bandar, bukan kami meminta bantuan yang berlebihan, cuma ingin mengekalkan keadaan sahaja. Kalau dahulu kawasan bersih, jangan dibiarkan menjadi kotor sekarang dan kalau dahulu boleh menangkap ikan di dalam sungai jangan dibiarkan ikan habis mati, juga kalau dahulu suasana wangi dalam kampung jangan dibiarkan menjadi busuk sekarang. Itu sahaja yang kami minta, kalau itupun tidak boleh diatasi di mana lagi yang kami hendak merayu.

Selain daripada itu mengenai masalah pengambilan tanah, sungguhpun undang-undang telah diluluskan, tetapi biarlah sikap keadilan itu bukan sahaja diucapkan bahkan disertai dengan amalan, sebab di Negeri Pulau Pinang bukan seperti di lain-lain negeri di mana ada tanah Reserve Kerajaan dan sebagainya dan bukan ada tempat untuk membuka Rancangan FELDA dan sebagainya, kalau ada tanah hak itu sahajalah yang ada. Jadi apabila Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri hendak mengambil tanah-tanah itu biarlah dibayar ganti rugi yang menasabah dan berpatutan supaya dapat membolehkan tuan-tuan tanah ini membeli tanah yang lain berdasarkan kepada nilai harga pada ketika tanah itu diambil, dan bukan nilai tanah ketika tanah itu digazettekan untuk pengambilan. Ini tidak boleh diterima sebab tidak logik. Peruntukan pembangunan samada daripada peringkat Kerajaan Pusat atau peringkat Kerajaan Negeri biarlah adil, janganlah utamakan projek-projek di dalam bandar sahaja, di luar bandar juga patut diberi perhatian, janganlah apabila ada permohonan untuk perbekalan air jawapan tidak economical. Semenjak bilakah Jabatan-jabatan Kerajaan menjalankan projek-projek daripada segi ekonominya atau viabilitinya. Yang mana dahulu, telor atau anak ayam? Adakah kita hendak tunggu sehingga kampung itu penuh dengan manusia baru kita hendak hantar bekalan lampu dan bekalan air, ataupun adakah kita hantar bekalan air dan lampu

dahulu kemudian baru manusia datang duduk di situ. Ini juga patut difikir. Pada fikiran saya elok juga perkara-perkara bekalan air serta lampu ini diutamakan sebab pada kurun yang ke 20, ini bukan luxury lagi, tetapi ini ialah perkara basic essentials, basic needs. Kalau sehingga hendak membawa mayat pun tidak boleh terpaksa melalui bendang, kalau murid-murid yang hendak pergi ke sekolah kena buka kasut dan pakai kasut di sekolah, kalau murid-murid sekolah ini terpaksa minum air daripada parit, kita tidak boleh kata bahawa Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara yang ada dan yang tidak berada, mencipta masyarakat yang adil, kalau kita sendiri tidak ada sifat keadilan dalam menjalankan projek-projek daripada wang rakyat (bukan daripada wang persendirian), misalnya Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Prai kalau tidak silap saya lebih kurang \$10,000 satu tahun diuntukkan untuk projek-projek luar bandar, di mana peruntukan pada tahun itu digunakan. Pada masa dahulu rumah dalam kampung tidak kena bayar hasil cukai, tetapi sekarang sudah dikenakan. Apabila kita membuat kutipan daripada masyarakat kita mesti beri balik service back in return, kalau tidak mereka akan soal, apakah faedah yang dapat daripada terbentuknya Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, jangan tahu kutip sahaja, tetapi tidak tahu beri. Ini sikap yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu perkara ke pengetahuan Dewan yang mulia ini, mungkin lain-lain tempat berlainan iaini berkaitan dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, satu Jawatankuasa yang ditubuhkan serta diiktirafkan oleh Kerajaan memandangkan kepada pentingnya perjalinan di antara masyarakat bawah sehingga kepada peringkat daerah, sebab itulah Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini ditubuhkan. Yang menjadi masalah ialah Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini boleh dikatakan sebagai satu saluran penyampaian selain daripada melalui Wakil Rakyat kerana kehendak-kehendak masyarakat sangat penting. Mereka ini juga dikehendaki hadir ke Mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya, tetapi malangnya kalau kita bandingkan dengan tugas-tugas membuat minit mesyuarat yang dikehendaki siap dengan elaun yang lebih kurang \$80 satu tahun, ini adalah satu perkara yang tidak lojik. Kalau difikirkan

bahawa Jawatankuasa itu mustahak mestilah dianggap sebagai mustahak, berilah elaun yang berpatutan. Kalau \$80 setahun hendak siapkan minit mesyuarat, membeli kertas itu sahaja pun sudah lebih perbelanjaannya, tidak termasuk tambang pergi balik. Jadi bila sudah jadi macam ini, minit mesyuarat jarang disediakan, mesyuarat juga kadang-kadang mereka tidak hadir, tetapi rakyat masih menganggap Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu adalah satu pertalian di antara mereka dengan Kerajaan. Jadi apabila kemahuan-kemahuan tidak diatasi, tidak dapat dijalankan oleh sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, timbul pula kecaman. Ini bukanlah cakap saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cakap daripada orang kampung yang orang katakan "frust". J.K.K. itu bagi mereka bukanlah Jawatankuasa Kemajuan Kampung, tetapi "Jawatankuasa Kuda Kayu". Gelaran inilah yang telah dikeluarkan daripada mulut mereka yang berkali-kali meminta satu perkara yang kecil-kecil tetapi tidak dapat kerana tidak dapat diatasi oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung, diberi nama lain kepada Jawatankuasa itu pada hal itu bukan salah Jawatankuasa Kemajuan Kampung sendiri. Ini ialah kerana kurang kemampuan kerana elaun yang diberi lebih kurang \$80 setahun itu memang tidak menasabah. Jadi saya minta, saya tidak tahulah samada negeri-negeri lain diberi macam itu juga elaunnya, tetapi saya yakin dan percaya lain-lain negeri elaun untuk Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu lebih daripada itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Ariffin bin Haji Daud:** Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara lagi, peranan Wakil Rakyat. Kami di sini jadi Wakil Rakyat sebab dipilih oleh rakyat, tetapi yang menjadi masalah apabila permintaan yang disalurkan kepada kami daripada rakyat apabila sampai ke peringkat Kerajaan telah ditolak. Jadi di manakah kedudukan Wakil-wakil Rakyat kalau macam itu sikap pegawai-pegawai Kerajaan? Kalau ditolak dengan alasan yang menasabah dapat juga kami memberi tahu kepada mereka yang kami wakili, tetapi kadang-kadang kalau sebab-sebab yang diberikan itu kita sendiri tidak dapat terima, macam mana kami hendak berikan kepada rakyat, yang kami

wakili. Jadi saya tidak mahu memanjangkan lagi perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita memohon mencadangkan usul ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sebelum saya minta seorang Ahli Yang Berhormat menyokong, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut pengalaman yang telah lalu, saya dapati ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Usul Titah Di Raja, oleh kerana daripada mulanya tidak dihadkan masa seseorang Ahli Yang Berhormat itu berucap, pada kali ini oleh sebab telah diuntukkan enam hari sahaja termasuk dua hari bagi Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab bagi perbincangan atas Titah Di Raja ini iaitu daripada hari ini sehingga 5hb April, maka saya menghadkan ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selama tidak lebih daripada 20 minit, melainkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya benarkan sehingga setengah jam. Sekarang dipersilakan seorang Ahli Yang Berhormat untuk menyokong.

4.54 ptg.

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sungguh berbangsa dan berbesar hati kerana peluang dan kepercayaan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri untuk saya menyokong usul ini. Saya rasa kepercayaan ini merupakan satu penghargaan yang tidak ternilai harganya kepada diri saya dan kepada kawasan Sungai Siput yang saya wakili. Saya anggap penghargaan yang diberikan kepada saya ini adalah sebagai satu rahmat yang mencatatkan sejarah dalam kehidupan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyampaikan ucapan saya yang tidak sepele.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sejak tadi saya sudah izinkan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Di dalam bahagian Tenggara Asia di sebelah sini, Malaysia adalah salah sebuah negara yang paling bertuah mempunyai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah membuktikan betapa besar minatnya terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Kerana tugas utama Kerajaan Tuanku sentiasa memberikan perhatian berat terhadap semua aspek kehidupan rakyat berbilang kaum, tanpa mengira asal keturunan.

Selepas merdeka Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah melancarkan dua buah projek lima tahun, yang dikenali sebagai Rancangan Malaya, dan kemudiannya dua buah lagi rancangan 5 tahun, dikenali sebagai Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia kedua.

Dalam tempoh yang tersebut Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah membuat beberapa perubahan yang mengagumkan, khususnya di dalam bidang-bidang pembangunan. Ini telah membuktikan dengan nyata betapa besar faedah yang telah sama-sama dinikmati oleh rakyat jelata.

Sesudah Malaysia mencapai kemerdekaan, Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua telah membuktikan bagaimana masyarakat Malaysia yang tulin dapat diujudkan dengan cara menghapuskan kemiskinan dan membuat rangkaian perhubungan ke seluruh negara, dan disamping itu telah pula berjaya mengimbangkan kedudukan ekonomi mereka yang berada dengan tidak berada. Dalam masa peralihan inilah kesetabilan politik dan kewangan negara telah mendapat perhatian dunia. Walaupun dari kaca mata ilmu alam negara kita sebuah negara yang kecil. Tetapi ia bukanlah kecil dalam bidang pengeluaran dan keperluan-keperluan dunia. Ini telah diakui oleh dunia antarabangsa bahawa sumber alam semula jadi kita getah dan bijih timah adalah sebahagian nadi yang menggerakkan jentera perindustrian dunia. Dengan demikian pengeluaran kedua-dua bahan itu telah menghasilkan pendapatan negara yang lumayan. Kesetabilan politik, kepercayaan tulin kita terhadap sistem demokrasi dan kematangan pemikiran pemimpin-pemimpin kita telah menimbulkan pergeseran kalangan negara-negara besar di dunia.

Malaysia kini cukup terkenal, kerana aktiviti-aktivitinya yang teratur ke arah pembangunan negara. Malaysia adalah di antara sebilangan kecil negara-negara yang mempunyai kepercayaan terhadap rancangan pembangunan yang teratur, dan pendirian ini akan tetap dipraktikkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya selepas Merdeka Malaysia amat bertuah mempunyai dua orang Perdana Menteri. Yang pertama dengan tidak syak lagi ialah Bapa kepada Negara Merdeka yang moden. Manakala Perdana Menteri yang kedua ialah seorang pengasas negara membangun yang paling progresif, akitek Malaysia moden, bapa pembangunan luarbandar dan pencipta sebuah negara yang diagungkan. Beliau tidak lain dan tidak bukan ialah Allahyarham Tun Abdul Razak bin Haji Hussein. Kini beliau tiada ada lagi bersama-sama kita, namun keringat yang dicurhakkannya selama ini telah membasahi bumi Malaysia yang bertukar menjadi seribu satu macam keindahan yang mengagumkan.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memperkerusi Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun, semasa hayatnya berjalan dan melawat ke seluruh pelusuk rantau tanah air, semata-mata untuk merintis jalan kebahagiaan yang dilalui oleh berjuta-juta rakyat; ingatan dan jiwa raganya hanya ditumpukan sepenuhnya kepada negara, bukan untuk faedah dirinya dan bukan juga untuk keluarganya, tetapi ialah untuk rakyat yang dikasihinya. Hingga ke saat akhir ia menghembuskan nafas—pemikiran dan ingatannya tidak ada yang lain, tetapi ingin melihat satu bangsa yang penuh progresif dengan rakyat yang berbilang kaum, bahasa dan kebudayaan, hidup dalam suasana aman dan damai di bawah naungan payung sakti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Untuk meneruskan cita-cita murninya Allahyarham Tun telah sempat meletakkan batu asas Rancangan Malaysia Ketiga dan pada hari ini Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan lempah kurnianya telah memberitahu Dewan yang mulia ini tentang cadangan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilaksanakan segera. Dengan perasaan bangga saya menjunjung kasih atas titah ucapan kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang telah bermurah hati memberitahu seluruh rakyat tentang faedah-faedah yang akan dinikmati bersama oleh rakyat di bawah pemerintahan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, setelah negara menempuhi detik sejarah yang memilukan—iaitu dengan berpulangnya ke alam baqa

Perdana Menteri yang kita kasihi, Tun Abdul Razak maka kini kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan lempah kurniaNya telah memberikan kita seorang pengganti yang bijak, berkebolehan dan penuh disiplin. Beliau tidak lain dan tidak bukan ialah Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang baru. Memang padan dan paling sesuai bagi beliau mengambil alih jawatan yang paling penting ini kerana dengan perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri yang ketiga, dengan tidak syak lagi segala bidang kemajuan yang masih belum sempat diselesaikan oleh Allahyarham Tun akan pasti diteruskan oleh beliau dengan penuh keyakinan. Ini telah dapat kita buktikan semasa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein mula memegang jawatannya tempoh hari. Di antara lain-lain Yang Amat Berhormat Datuk Hussein telah berkata bahawa "Beliau tiadalah penting tetapi apa yang dibuatnya adalah penting". Seterusnya dengan tegasnya ia memberitahu seluruh rakyat bahawa beliau akan terus melaksanakan dengan tegasnya polisi-polisi yang telah dibentangkan oleh orang yang terdahulu darinya iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak.

Di samping kita mendapat seorang Perdana Menteri yang berkelibar, kita harus juga bersyukur kepada Ilahi yang telah memberikan kepada kita seorang Ketua Negara baru yang mempunyai sifat-sifat mulia disisi Tuhan pencipta alam. Sesungguhnya tahun 1976 adalah satu tahun yang penuh rahmat, kerana kita mendapat seorang Raja dan Perdana Menteri yang baru—sesuai dengan pepatah Melayu "Patah Tumbuh, Hilang Berganti".

Setiap rakyat di dalam negara ini akan mengetahui dan tetap sedar betapa pesatnya kemajuan yang dicapai selepas merdeka. Bilangan kemajuan yang telah dilaksanakan dengan senangnya dapat dibandingkan dari cara pemerintahan kita, dan bagaimana pula kemajuan yang diperolehi semasa dalam pemerintahan penjajah British dahulu. Jawapannya ialah dengan pelaksanaan segera semua projek pembangunan yang berfaedah. Oleh itu dengan menjelang Rancangan Malaysia Ketiga, saya berharap Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dapat menitik beratkan perkara yang mempertingkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luarbandar, yang menjadi tulang

belakang negara kita. Masih terdapat di dalam negara kita beratus-ratus buah kampung tanpa mempunyai kemudahan-kemudahan perhubungan. Kita berharap perkara ini akan dapat diperbetulkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Seterusnya kita juga berharap Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dapat memperluaskan rancangan yang progresif ini ke kawasan-kawasan estet, dengan mengadakan lebih banyak jalanraya, sekolah dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Sebahagian dari peruntukan Rancangan Malaysia ke 3 hendaklah dikhaskan untuk projek-projek yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbesar hati mendapat tahu bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah bermurah hati meluaskan bidang kemajuan perindustrian; dengan demikian akan memberikan berjuta-juta peluang pekerjaan kepada rakyat. Di sini suka saya memohon ehsan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, supaya bidang perindustrian yang diperluaskan itu hendaklah dipusatkan ke kawasan-kawasan luarbandar pula. Ini akan memberikan peluang-peluang pekerjaan sama rata dan taraf hidup yang stable kepada penduduk-penduduk luar bandar, seperti yang dinikmati oleh rakyat-rakyat Malaysia di dalam bandar. Tujuan kita mengadakan Rancangan Malaysia adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat adil di bawah rancangan Dasar Ekonomi Baru, yang akan memberikan kesan yang lebih jauh.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengambil langkah yang paling tepat, kerana dalam titah ucapan telah menggariskan tujuan Rancangan Malaysia Ketiga ke arah penyusunan masyarakat yang lebih adil, yang tentu sekali memberikan harapan untuk melaksanakan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian, khusus untuk menggalakkan penyertaan bumiputra. Saya yakin, dengan tertubuhnya projek-projek yang saya sebutkan ini, ejensi-ejensi Kerajaan dan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri akan turut memainkan peranan masing-masing untuk sama-sama menjayakan tujuan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Seterusnya kami tetap menghargakan pandangan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah mengorak langkah mengadakan pelbagai sekim tanah, dan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit

untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan, serta mengujudkan satu sekim yang dinamakan "demokrasi pemilikan tanah". Tetapi saya harap akan dapat dimaafkan sekiranya saya cuba membangkitkan polisi-polisi yang diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kebanyakan kerajaan negeri mengamalkan polisi yang memberikan keutamaan pertama kepada anak-anak negeri-nya sahaja (State National). Sistem serupa ini menjejaskan peluang warga-negara Malaysia yang bermastautin di dalam sesebuah Negeri, yang kadangkala telah menetap lebih dari 20 tahun.

Memandangkan cara sedemikian tiada begitu sihat, saya berharap agar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dapat menetapkan satu sistem yang berpatutan, umpamanya tempoh seseorang yang bermastautin di dalam sesebuah negeri hendaklah diperhitungkan. Saya yakin kalau perkara ini dipertimbangkan dengan saksama, peluang bagi rakyat Malaysia yang mendatang akan cerah.

#### PERUMAHAN

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah sekian lama menitik-beratkan sistem memiliki rumah yang demokrasi (house owning democracy), iaitu satu sistem yang sungguh mengembirakan. Sistem ini pertama kali diwujudkan adalah hasil daya pemikiran bekas Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak yang sentiasa mengambil berat hal-hal kebajikan pekerja-pekerja estet. Dengan demikian pasukan petugas yang akan memberikan laporan perumahan untuk pekerja-pekerja estet telah pun dibentuk. Malangnya pasukan petugas itu belum lagi melaksanakan sekim itu seperti mana yang diharap-harapkan. Oleh itu, saya berharap Datuk Perdana Menteri kita akan dapat menggunakan jasa baiknya supaya perkara yang telah lama dinantikan akan dapat dilaksanakan segera.

#### PENYUSUNAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan Malaysia Kedua, penyusunan masyarakat di bawah polisi ekonomi baru telah diberikan keutamaan. Tetapi memandangkan pelaburan yang disatukan bagi rakyat Malaysia keturunan India diketika ini tiada sampai 1% pun, maka suka saya mencadangkan supaya pelaburan yang disatukan untuk

bumiputra dan yang lain-lain mestilah dengan bersungguh-sungguh digalakkan; dengan demikian matlamat kita bagi mengujudkan masyarakat adil dalam tahun 1990 akan tercapai.

#### PELAJARAN

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melaburkan berjuta-juta ringgit untuk mendirikan universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi. Langkah ini sesungguhnya telah dapat meninggikan taraf pelajaran bumiputra dan warganegara-warganegara yang lain. Namun demikian, sukaulah saya mengemukakan di sini, bahawa dengan penubuhan universiti-universiti yang tersebut, peluang-peluang yang diberikan kepada rakyat Malaysia keturunan India sangatlah berkurangan bilangannya. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dapat memikirkan sebarang bentuk untuk diberikan kepada murid-murid yang ketinggalan dalam bidang sosial dan ekonomi supaya membolehkan mereka memasuki universiti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pelajaran, saya juga ingin menyentuh perkara Bahasa Malaysia yang telah menjadi bahasa rasmi negara kita. Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menimbangkan perkara melatih guru-guru bahasa Malaysia dengan lebih meluas. Dengan berbuat demikian guru-guru yang terlatih itu, hendaklah ditugaskan disemua sekolah vernacular (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Jenis Kebangsaan Tamil). Perkara ini amatlah penting disegi penyamaan pengajaran Bahasa Malaysia, dengan bentuk dan cara yang satu.

Selain dari itu ejaan baru Bahasa Malaysia hendaklah juga diberikan perhatian serious. Saya agak dukacita melihatkan penggunaan ejaan baru kita tiada begitu dihiraukan. Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bukanlah seorang pakar ejaan baru. Tetapi sebanyak sedikit ada juga saya mengikuti perkembangan ejaan baru. Di sini biarlah saya memberikan sedikit contoh, umpamanya ejaan "tempoh". Ada pihak yang menulis TEMPOH dan ada pula yang menggunakan TEMPUH. Padahal mengikut

kamus moden TEMPOH adalah ejaan yang betul. Manakala TEMPUH maksudnya telah berlainan. Begitu juga ejaan "oleh". Ada yang menulis OLEH dan ada pula menggunakan OLIH. Sekali lagi kalau mengikut kamus moden ejaan OLEH lah yang betul, dan banyak lagi ejaan yang mengelirukan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tiada dapat memastikan, samada Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran sedar akan perkara ini. Tetapi kalau saya tak silap, di dalam kertas-kertas soalan peperiksaan tahun 1975, ada catitan. Catitan itu Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan "calun-calun peperiksaan boleh menggunakan ejaan baru atau ejaan lama".

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat pakar nampaknya. Sila teruskan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Terima kasih. Ini bermakna pihak Kementerian Pelajaran tidak tegas.

#### KESELAMATAN

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebuah negara yang akan dapat hidup dengan aman tanpa memperalatkan benteng keselamatan dengan lengkap dan teratur. Di sini Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telahpun memberikan perhatian sewajarnya terhadap issue keselamatan negara kita. Semenjak beberapa tahun Malaysia adalah sebuah negara yang sentiasa diancam oleh komunis. Walaupun dalam tahun-tahun empat puluhan, penganas-penganas komunis telah mencetuskan huru-hara. Tetapi selepas negara kita mencapai kemerdekaan, penganas-penganas itu telah dapat kita hapuskan. Dan kini mereka telah mula hendak bertapak semula.

Kami sungguh berbangga dengan pendapat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bahawa keselamatan negara kita bukan hanya terletak kepada Kerajaan sahaja tetapi mestilah sama-sama dipikul oleh rakyat seluruhnya. Pendapat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu akan tetap diterima oleh semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan.

Tuan Yang di-Pertua, sukaulah menegaskan di sini bahawa kita akan tetap patuh kepada pengisytiharan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa menjaga keselamatan negara adalah sebahagian dari tugas kita

bersama. Kini rakyat-rakyat Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah banyak mendaftarkan diri mereka . . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (7) berkenaan dengan menyebutkan Nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku, harap patuh.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tidak dengar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (7) yang tidak membenarkan menggunakan nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda disebutkan. Harap dipatuhkan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Kini rakyat-raykat Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah banyak mendaftarkan diri mereka secara sukarela untuk memasuki Pasukan Rukun Tetangga dan Yunit Relawan . . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, faham atau tidak?

**Tuan S. Samy Vellu:** Faham, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (7), dengar atau tidak?

**Tuan S. Samy Vellu:** Dengar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Berkenaan menyebut nama Duli Yang Maha Mulia tidak dibenarkan. Harap patuh kepada itu. Saya bertanya pula, panjangkah lagi ucapan Ahli Yang Berhormat

**Tuan S. Samy Vellu:** Ada lagi satu muka, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Tadi, Pemangku Tuan Yang di-Pertua ada menyebutkan minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab ramai lagi yang hendak berucap berkenaan dengan usul ini.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-lagi dua minit.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sila teruskan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Saya bagi pihak rakyat biasa sukaiah memberikan jaminan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda . . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, I draw your attention to Standing Order 36 (7) regarding mentioning the name of Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. So please conform to Standing Order 36 (7). Are you with me?

**Tuan S. Samy Vellu:** Yes, I have just seen the Standing Order.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Sila teruskan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Baru-baru ini kita telah mendengar bahawa Y.A.B. Perdana Menteri kita telah memberikan pertimbangan untuk membaiki taraf dan kedudukan pasukan keselamatan dan polis. Langkah ini sesungguhnya amat membanggakan kita. Memang kenalah pada masanya bagi Kerajaan ini memberikan "lampu hijau", supaya pelaksanaan projek itu dapat disegerakan. Ini adalah memandangkan betapa beratnya tanggungan Pasukan Bersenjata kita, khususnya Pasukan Tentera yang sentiasa terdedah kepada ancaman kominis.

Tidak ada siapa yang akan menafikan betapa besar jasa dan pengorbanan pasukan tentera kita yang terpaksa meronda hutan belantara berbulan-bulan lamanya, tanpa melihat wajah anak isteri yang mereka kasihi. Mereka bertugas dengan penuh semangat dan dedikasi. Mereka tiada pernah bersungut. Apa yang diberikan, itulah yang mereka terima. Seandainya mereka gugur dalam perjuangan, mereka hanya ditangisi oleh anak isteri dan sanak saudaranya sahaja. Jarang sekali pengorbanan mereka dikenang. Kalau dikenang pun hanya setakat di bibir selama beberapa hari sahaja. Jadi, memang wajar sekali bagi Kerajaan mengambil berat perkara kebajikan perajurit tanah air kita.

Selain dari memberikan tanggagaji yang lebih baik kepada mereka, soal perumahan mereka hendaklah juga diberikan perhatian



supaya pada tiap-tiap kali mereka menjalankan operasi, sanak famili yang mereka tinggalkan akan dapat menginap di tempat kediaman yang selesa. Perkara tempat kediaman ini adalah satu persoalan yang sentiasa mengusik perasaan batin perajurit kita. Tetapi sebagai anggota tentera yang berdisiplin mereka terpaksa berdiam diri. Saya pernah melihat anggota-anggota tentera kita yang terpaksa menyewa rumah-rumah yang hampir roboh. Di samping itu berbatu-batu pula jauhnya dari kem-kem mereka bertugas. Saya yakin apa yang saya utarakan ini telah pun ada dalam ingatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Sebagai seorang bekas Pegawai Tentera, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tentu sedar dan mengetahui segala-segala yang berkaitan dengan Pasukan Tentera. Sesungguhnya kita amat bertuah mempunyai seorang Perdana Menteri yang berkebolehan dalam serba-serbi. Mudah-mudahan dengan segala pengalaman yang diwarisinya itu, rakyat dan negara yang kita kasihi akan sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sungguh tertarik hati dengan tujuan baik Kerajaan kita yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Abdul Razak mengenai wang pusingan 10 juta ringgit untuk projek perumahan luar bandar. Saya yakin dengan peruntukan ini rakyat bumiputra luar bandar, bersama-sama rakyat Malaysia keturunan China yang tinggal di Kampung-kampung Baru dan orang India yang tinggal di estet-estet akan berpeluang memperbaiki taraf hidup dan keadaan alam disekeliling mereka. Langkah ini sesungguhnya amat membanggakan kita. Memang kenalah pada masanya bagi Kerajaan kita memberikan perhatian ke arah memperbaiki taraf hidup mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

5.25 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin sekali mengucapkan banyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Kebawah Duli di Dewan ini dan untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang baharu berucap sebentar tadi.

Saya semalam cuba berhati-hati untuk mendengar Titah Ucapan Di Raja, dan berharap supaya dapat menangkap satu

perception yang baharu dari Kerajaan tentang masaalah-masaalah pokok yang Malaysia hadapi hari ini, serta tentang pertunjukan-pertunjukan yang berkaitan dengan arahan dasar baharunya. Tetapi, hasilnya adalah agak mengecewakan.

Rancangan Malaysia Ketiga akan dilancarkan dalam bulan Julai tahun ini. Kerajaan berkata bahawa matlamat Rancangan ini adalah "untuk mencapai perpaduan rakyat dan membina ketahanan di kalangan rakyat dalam menghadapi cabaran, khususnya cabaran keselamatan." Sebenarnya, matlamat perpaduan rakyat ini adalah menjadi satu matlamat dikata-katakan oleh setiap Kerajaan baik pun sekarang oleh Barisan Nasional atau dahulunya Kerajaan Perikatan, sejak kemerdekaan pada tahun 1957, dan juga adalah menjadi matlamat pada tiap-tiap Rancangan Lima Tahun yang lepas. Diketahui bahawa Malaysia akan menghabiskan sejarah kebangsaan dekad yang kedua pada tahun depan, dan haruslah kita berhenti sekejap untuk meninjau bahawa adalah kita telah mencapai matlamat sebagai sebuah negara yang lebih bersatupadu semenjak kemerdekaan atau sebaliknya sebagai sebuah negara yang berpecah-belah.

Proses pembinaan sebuah negara yang berbilang kaum, kebudayaan, bahasa dan ugama ini adalah merupakan satu proses yang panjang, barangkali menempuhi beberapa jenerasi. Tetapi, sungguhpun perpaduan rakyat tidak dapat dicapai dalam tempoh satu jenerasi, maka masa 20 tahun adalah merupakan satu masa yang agak mencukupi bagi kita bertindak untuk meninjau dasar Kerajaan dalam usahanya bagi mencapai perpaduan rakyat sebagai matlamatnya.

Sejak kemerdekaan, satu jenerasi yang baharu telah tumbuh di Malaysia, dan seluruh penduduk yang bersekolah dan berkuliah di universiti, ini adalah merupakan product sepenuhnya dari dasar Kerajaan. Sikap dan kesedaran mereka adalah merupakan faktor-faktor pemutus yang penting untuk menakdirkan gagal atau berjayanya dasar pembinaan negara kita.

Selepas dua puluh tahun lamanya dalam usaha pembinaan negara kita di bawah dua orang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sekarang merupakan permulaannya bagi Perdana Menteri yang ketiga, tentulah kita harus sanggup memastikan bahawa pemuda-pemudi yang ada pada hari

ini adalah lebih berkesedaran kebangsaan (Malaysian minded) daripada pemuda-pemudi pada dua puluh tahun yang lepas. Tetapi, bolehkah kita bercakap benar demikian. Sebenarnya, kes adalah sebaliknya.

Pada dua puluh tahun yang lepas, bila saya masih bersekolah, kawan-kawan se-sekolah saya sangat berminat dalam pembangunan-pembangunan di negara kita dan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling kita, tetapi konsep dan kesedaran kaum jarang timbul. Tetapi, hari ini, kesedaran kaum sebagai "bumiputra" dan "bukan bumiputra", sebagai "Melayu" dan "Bukan Melayu" adalah disemai dari peringkat sekolah rendah, yang berasal daripada pengalamannya baik dalam sekolah ataupun di rumah. Saya tahu ada sebuah sekolah rendah di mana guru-gurunya membesarkan satu issue mengenai ketidakseimbangan di bidang peringkat-peringkat sekolah. Ini telahpun dengan tajamnya mempengaruhi murid-murid sekolah di peringkat rendah tentang perbezaan berlainan berasal kaum dan bukan persamaan, sense of commonnes sebagai warganegara Malaysia. Konsep dan kesedaran ini adalah lebih lanjutnya diperhebatkan bila mereka memasuki sekolah menengah, memasuki S.R.P., dibahagikan ke aliran sains ataupun kursus arts dan dipilih ke kelas-kelas yang berlainan.

Pada permulaan tahun ini, seorang pelajar di sebuah sekolah yang dalam Tingkatan Empat telahpun ditarik keluar dari kelas yang terbaik dan dipisahkan daripada kawan-kawan sekelasnya. Tetapi apabila ia membangkitkan perkara ini kepada penyelia sekolahnya dan memprotes bahawa langkah ini tidak adil oleh kerana ia harus memberikan peluang kepada murid-murid lain yang berkeputusan lebih kurang daripadanya, ia dilayani dengan tempeleng. Penyakitkan fiskal ini satu perkara yang kecil, tetapi konsep perkauman ini telahpun menyelami sanubari dan rohnya, juga termasuk kawan-kawannya. Ingatan perbezaan dan berlainan kaum ini adalah diulang-ulang dalam bentuk yang lebih serious dan peringkat demi peringkat, dalam peperiksaan M.C.E. dan kemudiannya pembahagian tempat bagi pelajar-pelajar H.S.C., dan peperiksaan H.S.C. serta penerimaan untuk menuntut di universiti.

Dasar-dasar pelajaran, pekerjaan dan ekonomi Kerajaan telah mengakibatkan kebimbangan dan kekhawatiran di antara bukan Melayu terhadap masa depan diri sendiri dan anak-anaknya.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (9) (c) yang tidak membenarkan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mematuhi peraturan itu. Bukan tujuan saya untuk membangkitkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan tetapi . . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Untuk penjelasan kepada Yang Berhormat. Yang tertulis dalam Peraturan Mesyuarat ini, "seseorang Ahli tidak dibenarkan menggunakan perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati". Bukannya tujuan Ahli Yang Berhormat, tetapi perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan mengikuti peraturan itu. Bukan untuk atau harus menggunakan apa-apa bahasa untuk menaikkan perasaan tetapi apa yang saya cuba ialah untuk menjelaskan satu issue, satu masalah yang kita hadapi di negara kita.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat untuk menentukan perkataan-perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat samada termasuk dalam seksyen ini, itu kuasa saya. Jadi sila patuh kepadanya dan jikalau perkataan-perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat yang pada pendapat saya masuk dalam Peraturan Mesyuarat ini, saya tidak akan membenarkan. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Inilah sebabnya sekarang kita ada satu masalah dalam masyarakat kita di mana ada begitu ramai orang-orang professional seperti doktor, doktor gigi, jurutera dan lain-lain berpindah ke seberang laut. Hanya semalam saya diberitahu bahawa sekarang ada seorang doktor lagi di Kuala Lumpur yang sangat berjaya menjalankan practisanya lebih daripada dua puluh tahun telah berpindah seluruh keluarganya ke Australia.

Saya memang tidak bersimpati dengan sesiapa warganegara yang tidak mempunyai keberanian berdiri teguh untuk memperjuangkan hak-hak mereka, tetapi hanyalah saya fikir orang yang bersikap sempit sahaja akan menganggap perkara ini good riddance atau biar berlaku oleh kerana sebab musabab yang mengakibatkan sebegitu ramai profesional mengemigrasi ke seberang laut ini adalah disebabkan rakyat yang terdiri daripada bukan Melayu merasa khuatir terhadap masa depan mereka sendiri dan anak mereka di Malaysia, iaitu berdasarkan apa yang berlaku mengenai rekod-rekod di bidang pelajaran, pekerjaan dan ekonomi. Dasar-dasar itu kita mestilah selidik daripada segi ini untuk mengatasi perkara-perkara ini kerana sebahagian besar rakyat yang bukan Melayu tidak mengimigrasikan, tidak akan tinggal di sini tetapi mereka juga diputuskan oleh dasar-dasar ekonomi dan dasar-dasar Kerajaan.

Kegagalan Kerajaan untuk berusaha mencapai perpaduan rakyat ini bolehlah disaksikan daripada satu kenyataan, iaitu bukanlah hanya doktor-doktor yang berumur middle-aged yang mengemigrasikan. Sebenarnya ada doktor-doktor yang saya tahu yang berumur muda yang baru lepas daripada Universiti Malaya yang sedang menimbang dan merancang dengan seriusnya untuk mengemigrasikan demi kepentingan anak-anak mereka. Ini adalah sebabnya mengapa beratus-ratus doktor melawat ke Australia Canada dan United Kingdom pada tahun yang lepas untuk mendaftarkan diri mereka supaya mereka dapat berpindah ke sana pada masa depan.

Salah satu sebabnya ialah kemungkinan negara-negara daripada Komonwel seperti United Kingdom, Australia dan Canada yang selama ini mengiktiraf degree perubatan dari Universiti Malaya akan tarik-balik pengiktirafan kerana keruntuhan standard perubatan. Tetapi sebab yang paling menekankan ialah mereka khuatir tidak ada masa depan bagi orang-orang bukan Melayu di Malaysia.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya tidak membenarkan Ahli Yang Berhormat bercakap lagi ini that tone. Sila patuh, kalau tidak, saya terpaksa mengambil tindakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara (national unity) yang dikatakan sebagai satu matlamat Kerajaan dalam Titah Di Raja ada berbangkit beberapa masaalah-masaalah dan sekiranya kita tidak mahu menghadapi masaalah-masaalah, berbincang masaalah-masaalah, mahu sembunyi dan sapu perkara ini di bawah permaidani (carpet) saya rasa negara kita akan jahanam sahaja.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapannya bertitah, "Keselamatan negara merupakan masaalah yang penting di saat ini. Keselamatan negara ialah keselamatan rakyat sendiri. Oleh itu rakyat perlu sedar peperangan menentang pengganas komunis adalah peperangan rakyat atau people's war".

Apa yang Kerajaan seharusnya memahami ialah di mana yang rakyat merasa tidak selamat mereka bukan satu tenaga bersekutu (natural allies) kepada Kerajaan dan dalam peringkat masa situasi ini maka peperangan keselamatan bukanlah satu peperangan rakyat. Itulah sebabnya di dalam keadaan ini mereka dikehendaki memilih di antara dua insecurity. Kita memang boleh mengabaikan perkara ini atau character assassinate orang-orang yang cuba membiarkan, membolehkan pemimpin-pemimpin Kerajaan fahami perkara ini, tetapi itulah satu jalan yang tidak bertanggungjawab kepada negara kita. Itulah sebabnya bersempena dengan kemerdekaan negara kita sedang memasuki ulangtahun yang kedua puluh, maka negara kita haruslah memeriksa diri sendiri dan meninjau kemajuan-kemajuan yang kita capai atau kegagalan yang kita alami dalam tempoh ini untuk menuju ke matlamat perpaduan rakyat.

Saya dengan seriusnya mencadangkan bahawa sebuah Suruhanjaya Di Raja adalah perlu ditubuhkan untuk menyiasat masaalah perpaduan rakyat dengan menyeluruhnya, bersempena dengan kemerdekaan ulangtahun yang kedua puluh, masaalah dan prospeknya supaya kita boleh mengadakan dasar-dasar yang lebih bijaksana dan rational di mana kepentingan bersama di antara warganegara Malaysia ini dapat diciptakan. Tetapi bukanlah untuk menitikberatkan perbezaan dan berlainan dan mengesani adakah kita sedang mengeluarkan rakyat yang muda dan lebih berkesedaran Malaysian-minded atau rakyat yang lebih berkecenderongan perkauman.

Kerajaan hendaklah mengadakan perubahan pada dasar yang bebas dan liberal di bidang pelajaran terutama di bidang pelajaran yang tinggi supaya pemuda-pemudi Malaysia yang berkelayakan dan berkebolehan yang dikehendaki boleh diberi peluang untuk memperolehi pelajaran yang tinggi di tanah air kita sendiri. Pada peringkat sekarang kebanyakan mereka terpaksa menuntut pelajaran tinggi di seberang laut atau yang tidak mampu akan tersiasia di negara kita sahaja.

Saya fikir bahawa satu hakikat di mana orang miskin di kalangan orang Melayu yang selalu diseru untuk merebut sekim-sekim Kerajaan, tetapi selalunya dijadikan mangsa dari program tersebut adalah satu trajidi negara kita. Penghapusan kemiskinan orang Melayu ini telahpun selalunya digunakan sebagai satu sebab untuk mengikuti dasar-dasar ekonomi yang bertujuan untuk menciptakan dan memperkayakan segelintir orang-orang Melayu yang kaya. Sebenarnya saya tahu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah seorang pembela dasar ekonomi ini yang kuat iaitu orang Melayu yang miskin-papa ini akan gembira dan melupakan penderitaan mereka bila mereka nampak lebih banyak jutawan Melayu dicipta.

Satu kes yang klasik ialah Syarikat Sri Linggar Sdn. Berhad di Melaka iaitu di bawah nama untuk mewujudkan estet Melayu yang pertama yang ditujukan untuk menolong Melayu yang miskin, maka tanah seluas 3,300 ekar telah dikeluarkan kepada sebuah syarikat yang terdiri daripada 6 orang UMNO yang berpengaruh dengan premium \$10 seekar di samping 60,000 orang yang tidak bertanah di tempat letaknya estet tersebut masih tidak mendapat tanah. Cerita Syarikat Sri Linggar itu sebenarnya cerita Dasar Ekonomi Baru kerana ianya adalah satu simbol tentang bagaimana orang-orang Melayu yang miskin diperalatkan dan dikhianati oleh orang-orang Melayu yang kaya. Itulah sebabnya mengapa perkara Sri Linggar yang terlibat dalam penyalahgunaan kekuasaan ini sudah berkali-kali dibongkar tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan tersebut baikpun oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat.

Salah satu masaalah yang saya fikir sangat mustahak ialah untuk memastikan bahawa semua orang miskin tidak kira

bangsa boleh menikmati dan boleh maju di bawah rancangan-rancangan Kerajaan. Saya selalu tidak boleh faham kenapa di Malaysia perangkaan atau formulasi Rancangan Malaysia Ketiga seharusnya dirahsiakan dan ianya hanya dibentangkan dalam Parlimen untuk kelulusan yang rasmi. Sebagaimana yang diketahui bahawa pada saat ini rancangan ini sudahpun dijadikan bentuk buku yang cantik untuk dikemukakan ke Parlimen dan apa yang diperkatakan dalam Dewan ini tidak akan mengubah sepele perkataan atau tanda koma di dalam rancangan ini yang sama pentingnya seperti mana yang diterima secara rasmi oleh Parlimen ialah penyertaan seluas-luasnya dan seramai-ramainya oleh orang awam dalam peringkat formulation iaitu melalui perbincangan dan teguran-teguran terhadap idea-idea yang diutarakan sebelum ianya jadi satu fait accompli atau kenyataan, tanpa kenyataan orang ramai dalam peringkat formulation rancangan ini kami dapati bahawa kita hanya mempunyai bentuk tetapi ketiadaan semangat spirit demokrasi yang sebenarnya. Oleh yang demikian saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan idea-idea dan isi kandungan yang mustahak sebagaimana yang termaktub dalam rancangan ini bagi pengetahuan, perbincangan dan perbincangan orang ramai supaya mereka diberikan peluang untuk mempengaruhi pembentukan terakhir rancangan ini iaitu sebelum ianya dibentangkan dalam Dewan ini untuk diluluskan.

Dalam Titah Ucapan Di-Raja ini didapati satu ketinggalan yang ternyata ialah mengenai betapa mustahaknya dilancarkan satu peperangan yang bersemangat terhadap korupsi dan pelbagai bentuk penyalahgunaan kekuasaan untuk kepentingan diri sendiri sahaja. Pada permulaan tahun ini Biro Siasatan Negara telahpun dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Jabatan Peguam Negara. Jelaslah bahawa ini adalah merupakan satu langkah yang terkebelakang dan bererti kejatuhan taraf B.S.N. B.S.N. ini seharusnya merupakan satu badan independent yang tidak merasa khuatir dan pilih kasih terhadap sesiapa dan mempunyai kuasa yang sepenuhnya untuk menyiasat dan bertindak untuk menghukum sesiapa pegawai yang didapati melakukan perkara korupsi. Pada peringkat sekarang B.S.N. tidak boleh bertindak untuk mengcharge atau mengambil tindakan terhadap politikus-politikus yang

berjawatan tinggi sebelum ianya memperolehi kebenaran politik daripada pihak Kerajaan yang dahulunya oleh Jabatan Perdana Menteri dan sekarang Jabatan Peguam Negara. Ini adalah bertentangan dengan kepentingan orang ramai dan negara yang mahu korupsi dibasmikan dengan tidak hirau apa-apa consideration berpolitik dan kita berpendapat B.S.N. masih harus membuktikan bahawa ia mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap pegawai-pegawai awam tidak kira jawatan tinggi atau rendah. Saya yakin bahawa B.S.N. memang mempunyai bahan-bahan yang mencukupi untuk menangkap ramai ekor ikan yu yang bergerak di bidang politik di negara kita, tetapi apa yang orang ramai bertanya ialah adakah B.S.N. mempunyai kuasa-kuasa untuk menjalankan tugasnya untuk menamatkan satu keadaan di mana penyakit korupsi bermaharajalela di kalangan jabatan-jabatan baikpun Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

Yang paling besarnya satu blot dalam rekod B.S.N. ialah tidak ada tindakan terhadap apa yang berlaku di Sabah di mana butir-butir mengenai korupsi ada dibuat dengan mendalam (detail). Saya memang fikir sekiranya B.S.N. tidak menunjukkan ia ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa yang berjawatan tinggi, reputation atau nama B.S.N. dapat di kalangan rakyat di tahun lalu di bulan November akan hilang.

Kerajaan Malaysia yang bersikap sepi terhadap pembongkaran dengan bukti-bukti bertulis tentang Northrop perkara yang ada dikemukakan tadi dalam masa soal jawab menunjukkan kelemahan Kerajaan dalam perkara ini dan saya rasa sangat kesal bahawa ia tidak boleh diberikan butir-butir mengenai siasatan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri telah diambil mengenai perkara ini. Adakah siasatan ini dibuat selepas soalan-soalan dikemukakan mengenainya di sidang Parlimen ini untuk memberi satu jawapan sahaja atau dibuat di tahun dahulu apabila perkara ini berbangkit dan jikalau begitu, kenapa pihak yang berkenaan begitu enggan memberi butir-butir mengenai siasatan terhadap perkara ini.

Rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, sangat-sangat cynical terhadap pemimpin-pemimpin politik, baik pada apa peringkat, oleh kerana mereka adalah lebih berminat

dan bertekun untuk memperjuangkan kepentingan diri sendiri daripada menjaga kesusahan rakyat dan kita ada banyak contoh yang boleh menunjukkan di mana issue-issue diperbesar-besarkan, diciptakan bukan untuk mengatasi kesusahan-kesusahan rakyat jelata tetapi untuk satu bab dalam pertarungan atau power struggle baik pada UMNO, M.C.A. atau dalam UMNO/M.C.A. salah-guna kuasa politik seperti apa yang telah berlaku di Melaka antara UMNO dengan M.C.A. Melaka di mana 100 ekar tanah dibekukan untuk dijadikan pembinaan rumah bukan untuk kepentingan rakyat jelata tetapi oleh kerana pemimpin-pemimpin UMNO dan pemimpin-pemimpin M.C.A. ada bergaduh, mahu dapat dan menguasai peluang berniaga dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya selalu bimbang ialah kepentingan rakyat jelata khasnya orang-orang miskin dalam rancangan Kerajaan. Contohnya Kerajaan Barisan Nasional ada berkata bahawa peruntukan untuk perumahan akan ditambah pada masa hadapan untuk menolong orang-orang yang miskin boleh dapat rumah. Tetapi selalu kita nampak rumah-rumah murah dibahagikan kepada orang-orang yang kaya dan apabila kita kemukakan perkara ini selalu kita diminta memberi butir-butir untuk tindakan yang sewajarnya diambil. Saya ada membuat satu aduan kepada Kementerian Perumahan mengenai perumahan di Alor Gajah, Melaka, yang dibahagi kepada orang-orang yang bergaji atau berpendapatan lebih daripada \$1,000 sebulan tetapi apa tindakan yang diambil. Surat itu telah ditulis kepada Kementerian Perumahan pada 19hb November, 1975, tetapi pada 26hb Februari, saya dapat satu jawapan dan dengan izin saya membaca satu paragraph yang dipetik daripada surat itu. Surat itu ditandatangani pada masa itu oleh Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perumahan, Encik Mohd. Ali Sharif:

"Saya adalah diarah merujuk kepada surat tuan bertarikh 19hb November, 1975, mengenai perkara di atas dan memaklumkan bahawa saya telah mengadakan satu perbincangan dengan Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka pada 17-12-1975 di Pejabat Ketua Menteri.

Saya ingin memaklumkan bahawa hasil daripada perbincangan itu didapati bahawa:

- (a) adalah tidak benar iaitu rumah-rumah jenis rumah murah di Pulau Sebang dan di Alor Gajah telah diuntukkan kepada keluarga-keluarga yang pendapatan mereka dalam lingkungan \$1,000 sebulan. Nama yang disebutkan sebagai contoh iaitu Encik Ramli bin Abdul Rahim tidak menerima pendapatan sebanyak \$1,150 sebulan, tetapi \$775 sebulan (kedua pendapatan suami dan isteri disatukan). Mereka mempunyai 4 orang anak.
- (b) adalah tidak tepat dan tidak benar bahawa peruntukan rumah harga murah ialah hanya untuk keluarga yang mempunyai pendapatan keluarga melebihi daripada \$300 sebulan. Sebenarnya peruntukan telah dibuat berasaskan pendapatan keluarga tidak melebihi \$800 (sejajar dengan garis-garis panduan yang ditentukan oleh Kementerian ini) dengan mengambil faktor bilangan keluarga dan tanggungan.

Jelas dari surat tersebut bahawa apa yang dibuat oleh Kementerian Perumahan selepas aduan saya ini diterima ialah hanya semata-mata mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Ketua Menteri dan bukanlah menjalankan penyiasatan dengan secara tersendiri. Ini menunjukkan bahawa betapa tidak gunanya untuk mengadukan perkara ini di antara satu Jabatan dengan yang lain, sungguhpun mereka adalah di antara peringkat Jabatan Pusat dan Jabatan Negeri, kerana instinct ialah cuba menutup (cover-up) untuk satu sama lain. Tetapi Kementerian Perumahan tidak menerangkan apakah sebabnya Encik Ramli bin Abdul Rahim sendiri telah memberi angka tersebut bahawa pendapatannya ialah lebih \$1,150 sebulan.

Yang kedua ialah saya sungguh terperanjat dan hairan bahawa Kementerian Perumahan telah mengubah kriteria dalam peruntukan rumah-rumah murah, ini dengan lebih lanjutnya membuktikan segala usaha Kerajaan seperti perumahan adalah bukan ditujukan untuk menolong orang-orang yang sebenarnya miskin, oleh kerana dalam satu jawapan di Dewan ini pada 18hb November 1975, mengenai cara-cara pemberian rumah

murah oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tersebut ada membuat pengumuman seperti yang berikut, saya petikkan:

"Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian ini telah meletakkan ataupun mengadakan beberapa garis panduan mengenai cara-cara pemberian rumah untuk diikuti oleh Jawatankuasa Pemberian Rumah. Garis panduan tersebut adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Jawatankuasa Pemberian Rumah hendaklah terlebih dahulu mengasingkan pemohon-pemohon yang berhak memohon daripada pemohon-pemohon yang tidak berhak memohon. Ini bermakna bahawa semua pemohon-pemohon yang mempunyai pendapatan keluarga sebanyak \$300 sebulan dan ke bawah adalah dianggap sebagai pemohon-pemohon yang berhak memohon.

Tetapi selepas 3 bulan, kriteria ini telah dinaikkan, telah diubah daripada \$300 satu bulan kepada \$800 satu bulan dan tentulah akan mengecualikan orang-orang miskin untuk mendapat faedah-faedah daripada ikhtiar-ikhtiar Kerajaan untuk membentuk rumah-rumah murah untuk rakyat jelata. Malaysia sekarang, saya ada menarik perhatian tadi memasuki decade yang ketiga yang bermula pada tahun hadapan. Saya rasa Kerajaan seharusnya meninjau dengan menyeluruh pada dasar-dasar pembinaan negara untuk:

- (i) menentukan semula pertalian kelas di Malaysia, di mana kemiskinan dan bukanlah perkauman menjadi satu kriteria untuk semua ikhtiar-ikhtiar Kerajaan;
- (ii) memperolehi kepercayaan dari semua kaum bahawa mereka ada masa hadapan yang cemerlang di negara kita;
- (iii) memulihkan moral authority Kerajaan dengan cara menghapuskan semua korupsi dan penyalahgunaan kuasa; dan
- (iv) memulihkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap proses demokrasi sebagai satu saluran yang menasabah untuk mengutarakan aspirasi dan melaksanakan hak-hak halalnya.

Ikhtiar yang saya seru diambil, melalui peluang ini saya mengemukakan satu perkara lagi. Saya baru tahu mengenai satu perkara

yang dikemukakan di Dewan ini pada Budget Session. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa saya ada membongkar di Dewan ini perkara mengenai kematian bayi-bayi di Rumah Sakit Melaka pada bulan November dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada memberi satu jaminan akan mengadakan satu siasatan terbuka untuk menentukan sebab-sebab kematian beramai-ramai bayi-bayi semua bangsa ada berlaku dan kita telah membaca dalam akhbar bahawa satu Suruhanjaya telah ditubuhkan tetapi apa yang sangat dikesali iaitu siasatan (terms of reference) kematian bayi-bayi di Rumah Sakit ialah baru sahaja antara 21hb November sampai 30hb atau 31hb November, apabila ada perkara yang saya bangkitkan di dalam Dewan ini, bahawa bayi-bayi yang mati pada awal bulan November dan bayi-bayi yang lahir pada bulan November mati dalam minggu pertama pada bulan Disember.

Saya berharap apabila Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengulung atau menjawab beliau akan memberi satu keterangan atau menggunakan peluang itu untuk membuat satu pengumuman meminda terms of reference, meluaskan masa penyiasatan kematian-kematian yang berlaku di Rumah Sakit Melaka daripada 1hb November sampai minggu pertama Disember di mana bayi-bayi yang lahir pada bulan November mati dalam bulan Disember. Oleh kerana sekiranya terms of reference Suruhanjaya itu dihadkan antara 21hb November sampai akhir bulan November itu tidaklah berguna oleh kerana tentulah Suruhanjaya tidak boleh dapat satu terms of reference yang luas dan dapat siasat semua faktor-faktor yang terlibat dan saya boleh katakan di sini jikalau terms of reference tidak diluaskan rakyat di Melaka tidak akan menerima apa-apa finding atau lapuran daripada siasatan itu.

6.01 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Permatang Pauh bagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Di-Raja semasa pembukaan Dewan Parlimen yang sedang bersidang sekarang.

Sebagai seorang mewakili rakyat dari luar bandar, saya berasa bangga dapat sama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan ini untuk merayu dan memohon

perkara yang sangat diperlukan oleh rakyat yang miskin dan kurang maju di Sarawak, terutamanya di kawasan saya sendiri kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk diberi pertimbangan yang adil dan wajar bagi menunai hasrat dan harapan rakyat menghapuskan kemiskinan yang boleh merosakkan fikiran dan menjatuhkan maruah rakyat ke arah yang tidak diingini. Oleh yang demikian sukalah saya menyentuh dua atau tiga perkara sahaja yang saya anggap penting buat pertimbangan seberapa segera.

Saya berharap dengan tertubuhnya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak adalah satu daripada badan-badan atau lembaga yang ditugaskan bagi melaksana dasar dan hasrat Kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk memberi pertolongan kepada rakyat khususnya rakyat luar bandar yang miskin tidak berupaya bagi mengerjakan tanah mereka yang terbiar begitu sahaja tidak memberi hasil bagi keperluan hidup mereka. Di samping itu juga memberi latihan-latihan sebagai petani moden cara mengawal kebun mereka supaya dapat menjadi pekebun atau petani yang bijak, progresif, makmur serta berdikari di negara kita ini. Oleh yang demikian saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan Pusat atau bank-bank mahu pun agensi Kerajaan yang lain memberi bantuan atau pinjaman modal yang berpatutan kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak yang sangat diperlukan oleh Lembaga itu sekarang. Untuk menepati dasar Kerajaan mengenai memperluaskan bidang tanaman pertanian terutamanya kelapa sawit, getah, sagu dan lain-lain lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan bermula tidak lama lagi, kami rakyat di Sarawak adalah berharap sangat bantuan dan pinjaman serta tunjukkan dan nasihat daripada pihak yang berkenaan di Ibu Negara yang kami anggap sebagai ibu tempat menyusu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak sukalah saya menyatakan Lembaga tersebut sekarang telah berjaya menjalankan tugasnya bagi melaksanakan dasar Kerajaan untuk memberi rakyat di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai tanah bagi kepentingan hidup mereka. Lembaga ini juga telah ada menyediakan segala kemudahan masyarakat dan saya berharap juga kepada Lembaga yang



berkenaan di mana tempat ladang-ladang kelapa sawit yang telah dibuka didirikan sekolah rendah, klinik, bekalan air dan lain-lain lagi bagi kepentingan peserta-peserta di situ. Dan saya yakin pihak Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab membina jalanraya di kawasan ladang kelapa sawit L.K.T.S. seperti di Hulu Mukah dapat menjalankan tugasnya mengikut jadual supaya tidak L.K.T.S. di situ terganggu boleh bergerak mengikut sesuatu rancangan yang tertentu tidak tergendala oleh sebab jalanraya. Sukacita saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan pihak yang berkenaan yang telah menghulurkan segala bantuan yang diperlukan oleh L.K.T.S. memberi sumbangan pembangunan ekonomi di negeri Sarawak untuk faedah rakyat dan negara seluruhnya.

Menyentuh tentang Bank Pertanian yang baru sahaja ujud di Sarawak sekarang adalah menjadi satu harapan baik kepada rakyat di luar bandar terutama sekali bumiputra. Baru-baru ini bank tersebut telah meluluskan satu pinjaman sebanyak \$40,000 kepada syarikat bumiputra untuk membeli satu kilang tepung sagu di daerah saya. Dengan pinjaman ini sedikit sebanyak memberi nafas baru kepada bumiputra atau pekebun sagu untuk berkecimpung di bidang perniagaan sesuai dengan dasar Kerajaan. Saya berharap juga supaya bank yang berkenaan ataupun bank perniagaan yang lain di negeri ini melonggarkan sedikit peraturan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah bagi memberi peluang kepada bumiputra mengambil bahagian di bidang perusahaan atau perniagaan sebagai satu bantuan secara langsung untuk menggalakkan kaum bumiputra mengambil bahagian di bidang perniagaan mahupun pertanian cara baru.

Tuan Yang di-Pertua, masalaah keselamatan di negara kita ini adalah satu perkara yang penting. Tanpa keselamatan yang terkawal perpaduan di antara rakyat berbilang kaum sukar untuk diatasi. Kita bersyukur di negara kita pada hari ini mahupun di negeri Sarawak keselamatan adalah terkawal dengan baik. Oleh kerana pasukan keselamatan kita yang sanggup bertugas di mana saja dengan semangat yang berani dan taat setia menentang musuh rakyat yang kita sifatkan sebagai musuh kebangsaan itu. Begitu juga pegawai-pegawai awam seperti di negeri Sarawak khususnya adalah sentiasa memberi keyakinan dan menolong rakyat

berbagai bidang kemajuan untuk mengekal keselamatan negara dan memperhatikan segala kedudukan yang baik dan teratur dari satu masa ke satu masa sejajar dengan cita-cita pemimpin dan ketua dalam Kerajaan Barisan Nasional baik di peringkat Persekutuan mahupun diperingkat Negeri. Oleh yang demikian segala usaha yang seperti ini hendaklah sesuai dengan syarat-syarat perkhidmatan mereka terutama kakitangan mahupun pegawai yang berpangkat rendah mempunyai keluarga yang besar diberi elaun khas sementara di zaman inflasi ini bagi mengurangkan bebanan yang dipikul oleh mereka seperti sekarang ini. Sukacita juga saya menyebutkan di sini peranan RELA di negeri Sarawak mahu pun di daerah saya adalah tidak kurang pentingnya untuk membantu pasukan keselamatan dan polis. Bagi keselamatan negara sekurang-kurangnya ahli-ahli RELA juga diberi sedikit elaun masa bertugas sebagai belanja minum kopi.

Memandang kepada pembangunan yang tidak seimbang antara negeri-negeri di Malaysia seperti yang terdapat di Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka saya yakin pihak yang bertanggungjawab dapat memastikan dan mencari satu jalan untuk mengatasi perkara yang penting ini bagi kebaikan seluruh rakyat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum dan kepercayaan supaya dapat menikmati kehidupan yang lebih bermakna dan sempurna di dalam sebuah negara yang mempunyai berjenis macam bahan yang berharga di negara Asia ini di mana kita mempunyai bumi yang subur untuk segala jenis tanaman terutama padi yang menjadi makanan utama rakyat. Walaupun demikian negara kita masih lagi berharap mendapatkan bekalan makanan yang penting daripada negara luar seperti beras dan ikan ataupun buah-buahan dan sebagainya.

Saya berpendapat di samping Kerajaan atau pihak-pihak Kerajaan menumpukan perhatian membuat bangunan cantik dan tinggi-tinggi di bandar-bandar besar yang menelan belanja beratus juta ringgit itu elok juga pembangunan pertanian dan nelayan diberi perhatian yang berat bagi kepentingan semua rakyat tidak hanya sekadar memberi bantuan subsidi sahaja seperti yang ada pada masa ini. Maka hendaklah memberikan tumpuan yang sepatutnya serta munasabah supaya rakyat yang mengharapkan dalam



jangka masa yang pendek segala makanan umpamanya beras mencukupi untuk mereka. Kehidupan yang seperti terdapat di Sarawak selalu kekurangan makanan disebabkan mereka berladang mengikut cara lama dan tidak mendapat hasil yang memuaskan bagi kepentingan sendiri.

Kami juga berharap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dapat dibuktikan di dalam tempoh masa yang tertentu, bagi memberi satu gambaran yang jelas kepada rakyat yang berhak untuk mengetahuinya.

Saya mengucapkan syabas kepada Parti SNAP dan pemimpin-pemimpinnya bersama ahli-ahli SNAP di dalam Dewan ini di mana atas kematangan pucuk pimpinan politiknya untuk menyertai Barisan Nasional di peringkat negeri mahupun Persekutuan adalah disambut baik oleh rakyat yang taat setia terutamanya di kalangan bumiputra di Sarawak bagi kemajuan dan kepentingan serta keselamatan negara seluruhnya. Selama ini di antara kami dan ahli-ahli SNAP adalah sebagai kawan bukannya sebagai lawan, di antara kami sebagai Wakil Rakyat tidak pernah menimbulkan perkara yang menyentuh perasaan peribadi yang tidak menyenangkan hati, bahkan kami pernah berusaha bersama-sama bagi menjayakan cita-cita rakyat yang memilih kami di Dewan ini.

6.14 p/tg.

**Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang):** Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

Tuan Yang di-Pertua, pada himat saya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu walaupun ringkas tetapi padat serta kena dengan keadaan masa yang sedang dihadapi oleh negara pada masa ini, dan bertepatan pula dengan kehendak serta tujuan Kerajaan Barisan Nasional dari segi semangatnya iaitu untuk perpaduan ummah, pembangunan dan keselamatan. Dari segi pembangunan ummah, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sebahagian besar dari tujuannya telahpun berhasil dalam mana kita kalau pada masa dahulu sentiasa kelihatan percakaran di antara rakyat satu parti dengan satu parti

yang lain sehingga menimbulkan perbalahan dan pergisiran sama di bandar atau di kampung-kampung menyebabkan orang ramai keluh kesah dan tidak tenang fikiran. Tetapi sekarang alhamdulillah perkara ini sudah tidak kelihatan lagi, walaupun ada, hanya sedikit-sedikit sahaja dan dengan itu membolehkan Kerajaan menumpukan kepada projek-projek bagi kebahagiaan dan kesenangan rakyat, kita harap suasana seperti ini berkekalan serta berterusan.

Dalam perkara pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah merancang beberapa rancangan pembangunan seperti membangunkan sekolah-sekolah, mengadakan kilang-kilang di seluruh tanahair, mengadakan pembukaan tanah, rancangan-rancangan taliair dan lain-lainnya. Tetapi walau bagaimanapun rancangan-rancangan ini ialah rancangan yang besar dan memakan masa yang agak panjang supaya dapat dilihat dan dirasai kesannya oleh rakyat, sedangkan rakyat di luar bandar dan di kampung-kampung mereka ini masih lagi di dalam keadaan kesempitan hidup yang berat, yang menunggu-nunggu hendak merasai nikmat pembangunan Kerajaan ini dengan secepat mungkin kerana mereka ini mempunyai pendapatan yang sangat rendah sehingga sebahagian besar daripada mereka tidak mampu hendak menyara hidup keluarga mereka setiap hari. Kepada mereka yang seperti ini Tuan Yang di-Pertua, haruslah dilancarkan satu langkah cepat yang mendatangkan kesan yang cepat juga kepada mereka terutamanya di dalam rancangan pertanian yang sekarang ini menjadi sumber hidup mereka. Jikalau langkah-langkah seperti ini tidak dilakukan maka mereka merasakan bahawa usaha-usaha Kerajaan selama ini seolah-olah tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka sekalian, sebab apa yang mereka alami sekarang ini samada dari segi kehidupan dan kemudahan untuk mereka seperti jalanraya, letrik kemudahan perubatan serta lain-lain masih seperti di masa lampau juga di setengah-setengah tempat.

Dari segi kehidupan, Tuan Yang di-Pertua, banyakkah pemuda-pemuda yang menganggur yang tidak ada mempunyai pekerjaan sepertimana yang terdapat di dalam kawasan pilhanraya saya sendiri, sebahagiannya berhijrah keluar kampung kerana mencari kehidupan. Ada yang ber-

hijrah ke Singapura, dan bagi mengelakkan kejadian seperti ini maka sangatlah mustahak Kerajaan menganjurkan langkah-langkah pertanian yang luas dan mengadakan kilang-kilang perusahaan yang sepatutnya supaya memberi peluang pekerjaan kepada pemuda-pemuda yang menganggur tadi dan dapat dibendong penghijrahan mereka itu.

Dari segi kemudahan jalanraya, Tuan Yang Di-Pertua, bagi setengah-setengah tempat banyak terdapat sungutan mengenai kesukaran jalanraya dan kenderaan khususnya bagi kawasan pilihanraya saya sangatlah berat saya menghadapinya sehingga di manamana saya pergi tidak lain yang disungutkan oleh rakyat melainkan jalanraya, sehingga saya pernah berfikir panjang untuk melawat kawasan pilihanraya saya kerana sukar hendak menjawab desakan rakyat mengenai jalanraya.

Dalam soal keselamatan, saya memberi tahniah dan penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan kerana telah meletakkan soal keselamatan ini lebih dari soal-soal yang lain dan ini adalah satu perkara yang sangat wajar kerana apa juga yang kita lakukan dari segi pembangunan ianya akan hancur dan sedikit pun tidak berguna kalau keselamatan di dalam negara tidak terjamin. Dan yang lebih menarik hati saya ialah apabila melihat Kerajaan sendiri telah membuat pengumuman dan telah menjadikan cogan pembangunan pada masa ini ialah hendak mengimbangkan di antara pembangunan lahiriah dengan pembangunan rohaniah, kerana memang benar bahawa pembangunan lahiriah atau kebendaan semata-mata tidak akan menjamin kekalnya keselamatan negara, kerana pembangunan kebendaan itu akan hancur jika tidak ada pembangunan rohaniah bersamanya. Maksud saya pembangunan rohaniah itu ialah pembangunan jiwa dan pembangunan diri bagi setiap individu dalam negara ini iaitu dengan mengisi jiwanya dengan iman dan taqwa. Seorang askar ghalibnya ia akan melarikan diri apabila bertemu dengan musuhnya yang lebih ramai jumlahnya kecuali askar itu benar-benar beriman dan bertaqwa, ia sanggup mati terkorban lantaran mempertahankan negaranya dengan dorongan iman dan taqwa yang wujud di dalam kalbunya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghasilkan tujuan ini maka ajaran-ajaran Islam yang tulin hendaklah dipupuk dan disebarkan ke

seluruh rakyat iaitu dengan melalui sekolah-sekolah dan langkah-langkah yang positif di bidang dakwah. Sungguhpun pada masa ini ajaran-ajaran agama telah dimasukkan ke dalam sekolah dan dakwah juga telah ada tetapi pada hemat saya tidak banyak kesannya dan kita masih berkehendakkan kepada kerja-kerja yang lebih bersungguh-sungguh dengan peruntukan yang sesuai di bidang dakwah. Sungguhpun kita telah ada Yayasan Dakwah yang dibiayai oleh Kerajaan sendiri, tetapi nampaknya kurang aktif dan masih belum menyeluruh kepada segenap lapisan rakyat. Dan saya difahamkan bahawa bangunan yayasan dakwah itu sendiri pun belum wujud dan kakitangannya pun belum mencukupi.

Mengenai dengan pelajaran agama pula, Tuan Yang di-Pertua, kesannya tidak berapa kelihatan sangat sehingga ramai ibu bapa bersungut mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula sukatan pelajaran agama yang wujud di masa ini dan mengambil langkah yang positif ke arah pelajaran agama di sekolah itu supaya kita akan dapat melihat semua anak-anak kita di masa akan datang mengamalkan dengan sepenuhnya hukum dan disiplin Islam bukan hanya sekadar untuk lulus di dalam peperiksaan semata-mata. Semoga dengan langkah-langkah yang positif itu kita akan dapat kejayaan dengan mendapat keridhaan Ilahi di samping menjadi senjata yang amat berkesan bagi ketahanan nasional dan menghancurkan fahaman komunis yang sedang menggugat negara kita pada masa ini.

6.26 *ptg.*

**Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Baharu):**  
Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja. Terlebih dahulu, izinkanlah saya menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang banyak menitik beratkan negara dan juga rakyat negara ini. Saya turut bersama-sama berdoa kepada Allah Subhanahu wata'ala mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong dan juga Raja Permaisuri Agong akan diberi rahmat serta dicucuri rahmat kepadanya untuk memimpin negara kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia pada petang ini dan sebelum saya meneruskan perbahasan ini, izinkan saya melalui Dewan ini, saya bagi pihak pengundi-pengundi di dalam kawasan pilihanraya saya suka mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah

kepada Anggota-anggota Kabinet yang baru yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai dan boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*